

*Kumpulan Titah*

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam  
Tahun 2012**





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

Terbitan  
Unit Penerbitan Melayu  
Bahagian Penerbitan dan Pameran  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2015

Hakcipta Jabatan Penerangan

Penyelaras  
Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir

Susunan/Rekaletak/Kulit Luar  
Muhammad Al Khaliq bin Ali

Penyemak  
Astrilen@Atikah binti Mohd. Asyraf  
Hajah Sujimawati binti Mejari

Dicetak oleh  
Borneo Printers & Trading Sdn Bhd

ISBN  
978-99917-49-54-9 (Kulit Keras)  
978-99917-49-55-6 (Kulit Lembut)

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2012	1-3
Titah Perutusan Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi pada hari Sabtu, 12 Rabiulawal 1433 Hijriah / 4 Februari 2012 Masihi	4-6
Titah Perutusan Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 pada hari Khamis, 1 Rabiulakhir 1433 Hijriah / 23 Februari 2012 Masihi	7-10
Titah Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis Bandar Seri Begawan pada hari Khamis, 8 Rabiulakhir 1433 Hijriah / 1 Mac 2012 Masihi	11-14
Titah Sempena Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2 di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu 8 Jamadilawal 1433 Hijriah / 31 Mac 2012 Masihi	15-18

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Titah dalam Istiadat Pengurniaan Bintang Kebesaran dan Pingat Kehormatan Kepada Pihak Pengurusan dan Pemain-Pemain Bola Sepak Negara Brunei Darussalam Sempena Memenangi Piala Hassanal Bolkiah 2012 di Istana Nurul Iman pada hari Khamis, 13 Jamadilawal 1433 Hijriah / 5 April 2012 Masihi	19-20
Titah Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at the Occassion of State Visit to Republic of Turkey on 11th April 2012	21-22
Titah Sempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi (malam ketiga) di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, pada hari Khamis (malam Jumaat), 12 Jamadilakhir 1433 Hijriah / 3 Mei 2012 Masihi	23-25
Titah Sempena Majlis Persantapan Diraja Sempena Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV Malaysia, As-Sultan Almu'tasim Billah Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah di Istana Nurul Iman pada hari Khamis, 18 Jamadilakhir 1433 Hijriah / 10 Mei 2012 Masihi	26-29

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Titah Sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) pada hari Ahad 27 Rejab 1433 Hijriah / 17 Jun 2012 Masihi	30-33	Titah Perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri Bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi pada hari Ahad, 1 Syawal 1433 Hijriah / 19 Ogos 2012 Masihi	48-50
Titah Sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ketujuh Sekolah Pegawai Kadet ABDB di Sekolah Pegawai Kadet, Perkhemahan Sungai Akar pada hari Khamis, 15 Sya'aban 1433 Hijriah / 5 Julai 2012 Masihi	34-36	Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas pada hari Selasa 10 Syawal 1433 / 28 Ogos 2012 Hijriah	51-53
Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 Tahun pada hari Ahad 25 Sya'aban 1433 Hijriah / 15 Julai 2012 Masihi	37-43	Titah Perasmian Majlis Ilmu 2012 Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-66 Tahun di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Selasa, 24 Syawal 1433 Hijriah / 11 September 2012 Masihi	54-56
Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Ahad, 17 Ramadan 1433 Hijriah / 5 Ogos 2012 Masihi	44-46	Titah Sempena Majlis Konvokesyen Ke-24 Universiti Brunei Darussalam Bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam pada hari Sabtu 27 Syawal 1433 / 15 September 2012 Masihi	57-60
Titah Asean Day Message 2012 From His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan Of Negara Brunei Darussalam on 8th August 2012	47	Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-22 bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas pada hari Isnin, 8 Zulkaedah 1433 / 24 September 2012 Masihi	61-63

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Titah Sempena Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Gabenor-Jeneral Australia, Puan Yang Terutama Quentin Bryce di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman pada hari Rabu 17 Zulkaedah 1433 Masihi / 3 Oktober 2012 Hijriah	64-66	Titah by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at a Banquet in Honour of His Excellency Lee Hsien Loong, Prime Minister of The Republic of Singapore at Istana Nurul Iman on Monday, 29 <sup>th</sup> October 2012	81-83
Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-7 tahun 2012 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada hari Sabtu 20 Zulkaedah 1433 Hijriah / 6 Oktober 2012 Masihi	67-69	Titah Sempena Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-2 UNISSA di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas pada hari Sabtu 18 Zulhijjah 1433 Hijriah / 3 November 2012 Masihi	84-86
Titah Sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-90 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan pada hari Khamis 25 Zulkaedah 1433 Hijriah / 11 Oktober 2012 Masihi	70-72	Titah Sempena Sambutan Tahun Baru Hijriah 1434 pada hari Rabu, 29 Zulhijjah 1433 Hijriah / 14 November 2012 Masihi	87-89
Titah Sempena Majlis Konvokesyen Ke-2 KUPU SB Negara Brunei Darussalam Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi di Dewan Plenari Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Selasa, 7 Zulhijjah 1433 Hijriah / 23 Oktober 2012 Masihi	73-76	Titah by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at a banquet in honour of the state visit of His Excellency Truong Tan Sang, President of the Socialist Republic of Vietnam, at Istana Nurul Iman on Tuesday, 27 <sup>th</sup> November 2012	90-91
Titah Sempena Hari Raya Aidiladha 1433 Hijriah / 2012 Masihi pada hari Khamis 9 Zulhijjah 1433 Hijriah / 25 Oktober 2012 Masihi	77-80		

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Titah by His Majesty Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at a banquet in honour of the State Visit of His Excellency U Thein Sein, President of the Republic of The Union of Myanmar, at Istana Nurul Iman on 4<sup>th</sup> December 2012 92-93

Titah Sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Ireland Utara terdiri daripada penuntut-penuntut pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas, berkursus dan dalam percutian bersama keluarga di London, United Kingdom dan Penganugerahan Biasiswa 'The Chancellor's Scholar' Universiti Brunei Darussalam Sesi 2012/2013 pada hari Ahad 15 Safar 1434 Hijriah / 30 Disember 2012 Masihi 94-97

Titah Sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Tahun Baru Masihi 2013 98-102

## Titah

### Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2012

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BARU sahaja lebih sebulan kita melangkah ke dalam Tahun Baru Hijriah 1433 dan kini, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita memasuki pula Tahun Baru Masihi 2012. Sewajarnya kita wajib bersyukur di atas rahmat Allah kepada kita berupa umur panjang dan keamanan negara.

Keamanan itu tidak ternilai harganya. Ia bukan saja patut disyukuri malahan juga mesti dipelihara. Memelihara keamanan adalah tanggungjawab semua. Pembangunan tidak ada ertinya tanpa keamanan. Kerana keamananlah satu-satu pembangunan itu dapat berjalan dengan lancar tanpa gangguan. Sebaliknya jika tidak ada keamanan semua pembangunan boleh tergendala dan gagal.

Kita melangkah ke tahun baru dengan azam untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan jika ada, di samping bersedia menghadapi cabaran-cabaran mendatang yang pasti wujud.

Sama ada cabaran itu bersifat dalaman atau global, kedua-duanya perlu dihadapi dengan penuh kebijaksanaan dan lapang dada. Contoh satu cabaran besar apabila beberapa bulan yang lalu, dunia telah dikejutkan oleh satu berita tentang hutang yang amat tinggi bagi sebilangan negara-negara maju. Impaknya turut menjadikan ekonomi dan kewangan global semakin meruncing.

Kadar hutang yang tinggi dan di luar kemampuan bukan saja menjejaskan pertumbuhan sesebuah negara, malahan juga mampu menggugat ekonomi global. Banyak negara, termasuk negara-negara di rantau ini, turut mengalami kesannya.

Ini jika berlarutan, boleh saja turut menjejaskan ekonomi kita



sendiri yang lebih bergantung kepada industri minyak dan gas. Kerana itu, beta dengan tidak jemu-jemunya mengingatkan supaya kita melipatgandakan lagi usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi negara.

Pada tahun 2012 ini, insya-Allah, kita akan mengukuhkan lagi usaha-usaha ke arah itu melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN Ke-10) yang akan bermula pada 1 April 2012.

Salah satu fokusnya nanti ialah untuk mewujudkan suasana perniagaan yang lebih kondusif supaya sektor swasta akan dapat berkembang dengan lebih cepat dan mudah.

Oleh itu, beta berharap kita akan lebih komited untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif dan projek-projek di bawah RKN ini, terutamanya dalam pemberian perkhidmatan kepada orang ramai. Ini adalah tanggungjawab kita semua untuk memikulnya dengan penuh kesungguhan. Dengan adanya pencapaian kita di dalam bidang-bidang yang penting, maka sudah barang tentu negara dan rakyat akan dapat mengekalkan kehidupan yang makmur dengan izin Allah.

Di samping itu, jangan pula lupa, turut menjadi kunci kestabilan dan kemakmuran ialah amalan berjimat cermat. Sikap berhemat dalam berbelanja, sama ada di peringkat kerajaan, rumah tangga mahupun individu adalah tonggak *survival* ekonomi negara. Kerana itu, berbelanja besar di luar kemampuan adalah satu tragedi pahit.

Oleh itu, tidak ada pilihan lain dari mengawal dan mengelakkan apa jua jenis pembaziran, termasuk ke atas kemudahan-kemudahan yang diberikan subsidi seperti tenaga.

Penguatkuasaan tarif elektrik yang baru akan bermula esok. Ia perlu mendapat sokongan daripada kita semua sebagai langkah mengawal pembaziran.

Penjimatan tenaga akan secara langsung mengurangkan kadar penggunaan minyak dan gas tempatan, yang juga akan membolehkannya lebih banyak untuk eksport dan industri hiliran bagi meningkatkan lagi pendapatan negara dan juga peluang pekerjaan.

Dalam aspek sosial, kerajaan beta juga akan terus memberikan perhatian kepada program-program pembangunan seperti perumahan,

an, kesihatan dan keselamatan makanan.

Di bidang kesihatan, beta sangatlah mengambil berat tentang peningkatan penyakit-penyakit tidak berjangkit, seperti kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, kanser dan sakit jantung.

Akhir-akhir ini, beta sangat bimbang terhadap dapatan-dapatan kajian yang menunjukkan terdapat peningkatan obesiti di negara ini. Ini adalah petanda adanya amalan kehidupan yang tidak seimbang.

Marilah sama-sama kita membina azam untuk lebih berdisiplin dalam menjaga kesihatan, khasnya dalam perkara memilih makanan sihat, menghindari rokok dan rajin beriadah.

Sebagai sebahagian dari proses pendidikan dan pembinaan disiplin diri, kerajaan beta telah meluluskan Program Khidmat Bakti Negara untuk para belia.

Program ini dilaksanakan secara berperingkat, bermula dari skala kecil, bagi memastikan kemajuannya adalah teratur.

Di arena antarabangsa, beta gembira negara kita akan menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun 2013. Dengan demikian, pada tahun 2012 ini, kita kenalah memastikan persiapan awal untuk menjayakan mesyuarat yang penting itu.

Akhir sekali, beta sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan dan juga kepada mereka yang berkhidmat di sektor swasta di atas segala usaha melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Di kesempatan ini juga, beta dan keluarga beta tidak lupa mengucapkan Selamat Tahun Baru Masihi 2012 kepada seluruh rakyat dan penduduk semoga kita dan negara akan terus mendapat rahmat dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





**Titah**  
**Perutusan Sempena Sambutan Maulud Nabi**  
**Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam**  
**Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi**  
**pada hari Sabtu, 12 Rabiulawal 1433 Hijriah /**  
**4 Februari 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

UMAT Islam di negara ini patut bersyukur kerana berpeluang untuk meraikan lagi Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi.

Pada setiap tahun, kita menyambutnya dengan cara kita sendiri dengan mengadakan majlis berdirir di masjid-masjid di seluruh negara selama 12 malam berturut-turut dengan acara kemuncaknya berupa perhimpunan dan perarakan. Acara-acara ini tidak syak lagi berciri 'Kebruneian tulen' yang perlu diteruskan oleh generasi demi generasi. Sungguhpun begitu, di ketika-ketika tertentu, ia mungkin saja memerlukan ubah suai. Namun perayaan atau sambutan tetap dikekalkan.

Kepentingan sambutan atau perayaan ini ialah bagi menanamkan rasa kasih sayang kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda wajib disanjung dan dikasihi, sebagaimana Allah sendiri menyanjung Baginda. Allah dan Malaikat-Nya telah berselawat ke atas Baginda dan sekali gus telah memerintahkan juga orang-orang beriman supaya berselawat sama. Tidakkah ini dalil yang nyata, bahawa kita adalah wajib mencintai Baginda, selaras dengan perintah Allah tersebut?

Orang selalu bercakap mengenai *role model*. Apabila menyebut perkara itu, pasti akan dituding satu-satu individu yang dianggap patut menjadi *role model* itu.

Bagi kita umat Islam, *role model* itu telah pun disebut dan ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sendiri.

Siapakah dia *role model* itu di sini?

Mari kita perhatikan ungkapan Al-Qur'an, Surah Al Ahzab, ayat 21 mafhumnya:

*“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu, pada diri Rasulullah itu 'contoh ikutan yang baik', bagi orang yang sentiasa mengharap (balasan baik berupa reda) Allah dan hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”*

Ini dia *role model* kita. Bukan kita yang memilihnya tetapi Allah sendiri. Allahlah yang menunjuknya untuk kita. Tidak hebat macam manakah ini, jika Allah sendiri yang ampunya pilihan itu?

Pilihan Allah ini bukan bersifat semasa: untuk 10 atau 20 tahun sahaja, tetapi bersifat abadi untuk selama-lama.

Adapun *role model* pilihan manusia terhad masanya. Paling lama misalnya seratus tahun dan selepas itu datang pula *role model* lain untuk menggantikannya. Tetapi ini *role model* pilihan Allah, tidak dipadam oleh zaman dan tidak dilapis oleh sebarang tokoh lain. Sudah pasti tidak ada wujud lagi *role model* lain untuk menggantikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Maka berdasarkan ini, marilah kita memasang niat dan azam untuk terus komited dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan berpegang kuat dan beramal dengan semua ajaran yang dibawa oleh Baginda, memakai dan meniru akhlak Baginda di dalam segala segi kehidupan: dalam beribadat, berumah tangga, bergaul

dan sebagainya.

Jika kita melakukan ini, tidak syak lagi, kita pasti akan mendapat pangkat takwa di sisi Allah dan takwa itu pula akan menjadi punca atau sebab, terbukanya pintu berkat di langit dan di bumi.

Kita patut menjadikan pangkat takwa itu matlamat semua, supaya sama-sama kita beroleh manfaat. Adapun manfaat pangkat takwa itu bukan sahaja terbatas kepada penyandangannya malahan juga meliputi kepada negara atau tanah air, sebagaimana mafhum dari ayat 96, Surah Al A'raaf, antara lain:

*“Dan sekiranya penduduk sebuah negeri itu beriman dan bertakwa, nescaya Kami (Allah) akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi ...”*

Berkat di sini boleh sahaja dalam bentuk kemakmuran, keamanan dan keselamatan yang akan dinikmati oleh manusia dan negara.

Demikian isyarat daripada Allah tentang takwa semoga kita sama-sama sensitif untuk mengambil pengajaran daripadanya.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Perutusan Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari**  
**Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28**  
**pada hari Khamis, 1 Rabiulakhir 1433 Hijriah /**  
**23 Februari 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

KITA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Yang Ke-28, di dalam suasana sejahtera.

Sepanjang 28 tahun kita merdeka, negara alhamdulillah, telah berjaya mengekalkan keamanan dan kemakmurannya. Semogalah ia akan berterusan untuk dinikmati oleh generasi demi generasi.

Orientasi kita dalam melakar pembangunan adalah bercorak global. Kerana kita tidak hanya melihat kepada liku-liku kehidupan dalaman, bahkan perlu turut mengambil iktibar dari peristiwa dan kejadian di dunia tanpa sempadan.

Namun dalam segala hal, kita tetap perlu mengukuhkan jati diri kita selaku rakyat Brunei yang taat beragama, yang berawar galat, berperawis dan beradat.

Janganlah cepat-cepat mengikut arus, tetapi perlu berhemah dan patriotik di dalam mempertahankan dan mengamalkan warisan berharga, seperti akhlak yang baik, bahasa bangsa dan sebagainya. Kerana semua elemen-elemen ini adalah penanda bagi kewujudan kita.

Tidak lama lagi kita akan memasuki tahun kewangan 2012/2013 dan memulakan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10.

Kita menyedari bahawa prestasi pelaksanaan program-program kemajuan kita tidak terlepas dari menghadapi pelbagai cabaran, khususnya cabaran kapasiti yang terhad. Namun ini bukanlah alasan untuk kita menjadi lemah.

Perjalanan kita menuju sasaran Wawasan 2035 memerlukan kita lebih tangkas dan tegas. Mana-mana sasaran yang tercicir dan lambat adalah perlu pula perlu dikembalikan ke atas landasannya semula.

Dalam apa jua tindak-tanduk kita, perancangan yang payu adalah keperluan asasi, sementara pencapaian sasaran pula perlu disukat secara objektif.

Sebagai jentera pentadbiran kerajaan, Perkhidmatan Awam adalah memainkan peranan utama untuk terus menjana gagasan baru, meningkatkan kapasiti dan mempertemukan kaedah-kaedah bukan konvensional untuk menangani keperluan negara yang kian kompleks dan mencabar di abad ke-21 ini.

Namun walau begitu, bukanlah bermakna setiap yang baru itu tidak ada cacatnya, kadang-kadang ia hanya unggul pada teori sahaja, bukan pada amalnya.

Produktiviti dan efisiensi memanglah kita utamakan, tetapi bukanlah mesti dengan membebankan perkara-perkara yang sepatutnya tidak perlu dibuat.

Kaedah-kaedah baru boleh sahaja dicuba, tetapi bukan mesti yang sifat teruk lagi membebankan. Pada beta, kaedah-kaedah lebih mesra adalah lebih utama dan berpatutan.

Sayugia juga diingat, warga Perkhidmatan Awam itu terdiri dari pelbagai peringkat, pelbagai bidang dan pelbagai kelulusan. Apakah ini tidak mewajarkan mereka dengan kaedah-kaedah yang berbeza?

Menyentuh kepentingan lebih umum, di akhir-akhir ini satu perkara yang sangat merisaukan orang ramai ialah mengenai keselamatan di jalan raya. Perangkaan kematian akibat kemalangan sangatlah membimbangkan.

Lebih membimbangkan lagi sebahagian besar dari kemalangan itu melibatkan anak-anak muda dengan penyebabnya adalah berbentuk kecuai, sikap tidak berhemah, memandu dengan kelajuan melebihi had laju dan tidak mematuhi undang-undang.

Kalau ini benar menjadi penyebabnya, apakah tidak perlu bagi kita untuk mencari cara-cara mencegahnya? Pada hemat beta, sangatlah perlu.

Salah satu cara pencegahan itu ialah melalui undang-undang. Undang-undang sudah pun ada, baik yang berkaitan dengan tali keledar atau penggunaan telefon bimbit semasa memandu. Tetapi adakah ia telah dikuatkuasakan sepenuhnya? Jika belum, bererti kita belum lagi menjalankan pencegahan itu.

Jadi apa yang perlu di sini, tidak lain ialah semua pihak hendaklah tampil terutama anggota polis, mereka dikehendaki untuk mempertingkatkan lagi kewaspadaan dan keberadaan mereka di dalam pelaksanaan undang-undang berkaitan.

Turut menjadi aspek penting pencegahan ialah memastikan keadaan jalan-jalan raya utama, supaya benar-benar memenuhi keperluan piawaian keselamatan bertaraf tinggi.

Kesemua langkah-langkah pencegahan ini hanya akan mendatangkan hasil yang berkesan apabila ia benar-benar dibudayakan melalui promosi dan penguatkuasaan yang konsisten.

Di samping kemajuan kita dalam negara, hubungan diplomatik kita dengan negara-negara sahabat juga tetap akan dipupuk dan dipelihara. Ianya adalah teras kemantapan politik, ekonomi dan keselamatan. Ia akan menjadi amalan berterusan, berasaskan prinsip berbaik-baik dan hormat-menghormati kedaulatan masing-masing.

Akhir sekali, beta sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada semua peserta dan petugas serta ahli-ahli jawatankuasa-jawatankuasa yang sama-sama berusaha dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-28 Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Beta juga dengan ikhlas merakamkan ucapan yang sama kepada semua lapisan rakyat, penduduk dan pemimpin yang terlibat, termasuk semua peringkat ahli Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, kerana sumbangan mereka terhadap keamanan dan pembangunan negara.

Sebagai merista balik sukut baik lagi indah serta penuh berkat kita menanai kemerdekaan negara, maka beta sudahi perutusan ini dengan lafaz keramat: *"Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar!"*

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat**  
**Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis**  
**Mesyuarat Negara di Bangunan Dewan Majlis, Jalan**  
**Dewan Majlis Bandar Seri Begawan**  
**pada hari Khamis, 8 Rabiulakhir 1433 Hijriah /**  
**1 Mac 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengizinkan Majlis Pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung pada hari ini.

Beta terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada semua ahli di atas pelantikan semula dan pelantikan baru MMN.

Beta juga merakamkan penghargaan dan ucapkan terima kasih kepada bekas Ahli-ahli MMN di atas sumbangan mereka di dalam persidangan-persidangan majlis yang lalu.

Harapan kita terhadap MMN adalah sangat tinggi. Persidangan majlis ini adalah merupakan wadah strategik yang berperanan untuk memikir, membahar serta membuat sokongan-sokongan yang terbaik bagi faedah pembangunan negara supaya kekal menjadi *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghofur*.

Sebab itu, beta sangatlah berharap supaya semua Ahli MMN akan dapat menunaikan tanggungjawab mereka dengan penuh jujur, ikhlas lagi amanah. Dalam makna apa jua usul yang dibawa di dalam

persidangan ini perlulah berasaskan pemikiran dan penelitian yang rapi dengan didukung oleh fakta-fakta betul dan tepat. Di samping itu, perbincangan juga biarlah fokus kepada isu-isu yang relevan bagi pembangunan negara.

Pada tahun lepas di sebalik keadaan ekonomi global yang tidak menentu, alhamdulillah negara masih sahaja mampu untuk mencatatkan kadar pertumbuhan yang menggalakkan. Ini adalah berkat kerjasama dan usaha yang padu di kalangan agensi-agensi yang melaksanakan projek dan program kerajaan sebagaimana yang dirancang.

Pada tahun ini sebagai langkah menaik taraf kesejahteraan rakyat dan penduduk, tumpuan patutlah diberikan kepada lebih meningkatkan lagi tahap dan kualiti pendidikan serta pembinaan keupayaan insan termasuk perkembangan belia-belie dan pelbagai program yang dirancang serta sistem pendidikan yang terus diperkukuh, insya-Allah hasrat negara untuk melahirkan belia-belie yang berilmu, beriman dan berwawasan akan lebih mudah dicapai.

Namun begitu kita juga tidak wajar terlepas pandang dengan melupakan peranan institusi keluarga melalui keluarga yang bahagia lagi sempurna. Tidak diragukan lagi adalah mampu untuk mengatasi pelbagai-bagai isu sosial dengan lebih berkesan.

Oleh itu, agensi-agensi kerajaan terutamanya yang bertanggungjawab menangani isu-isu sosial dan kesejahteraan perlulah menumpukan usaha mereka bagi merangka dasar-dasar dan perancangan pengukuhan institusi keluarga itu dan dalam hubungan ini peranan institusi mukim dan kampung yang diterajui oleh penghulu dan ketua kampung juga adalah berkaitan.

Beta amat tidak selesa, kadang-kadang terdengar ada penghulu atau ketua kampung yang mengabaikan anak buah. Mereka itu aktif dan suka kepada kerja-kerja lain tetapi kurang aktif atau tidak suka untuk mengambil tahu dan mendengarkan kesulitan-kesulitan anak buah. Ini jika benar berlaku ianya adalah amat dikesali. Di

samping itu, usaha-usaha juga perlu ditingkatkan untuk menjadikan warga kerja negara ini lebih maju dan produktif. Setiap warga dan penduduk perlulah berebut peluang-peluang yang ada disediakan oleh kerajaan. Mereka perlu memperkaya diri terutama di bidang-bidang pengetahuan dan kemahiran. Melalui pelbagai bentuk kemudahan, program dan bantuan yang ditawarkan, beta tidak nampak mereka itu perlu tercicir dari arus pembangunan negara.

Menyebut lagi keadaan ekonomi semasa, sejak beberapa tahun kebelakangan pelbagai cabaran muncul di sana sini yang mengancam kestabilan ekonomi global. Malah sampai sekarang pakar-pakar masih sukar untuk mencapai kesepakatan bilakah ke mulut ekonomi ini akan berakhir. Hikmah dari kemelut ini kita mendapat iktibar yang berguna iaitu salah satu punca utama krisis ekonomi ialah hutang.

Orang biasanya menganggap sama ada di peringkat individu, korporat atau negara untuk menutupi sebarang keperluan kewangan adalah dengan jalan berhutang. Tetapi orang kurang ingat bahawa hutang adalah bebanan sama ada disedari atau tidak apabila pinjaman mencapai tahap yang tinggi atau di luar kemampuan untuk mengawalinya, maka pada ketika itu hutang adalah satu petaka besar.

Di sini alhamdulillah, kerajaan beta dengan limpah kurnia Allah jua masih sahaja mampu untuk terus membiayai keperluan perbelanjaan tanpa berhutang. Namun ini bukanlah bermakna kita tidak perlu untuk menjalani kehidupan yang penuh berhemah.

Lebih-lebih lagi kita juga menyedari bahawa struktur ekonomi negara perlu terus kukuh dan meluas agar sektor bukan minyak dan gas dapat sama-sama menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara signifikan.

Kita juga tidak lalai dengan menggalakkan perkembangan sektor swasta melalui komitmen agensi-agensi kerajaan dalam memperbaiki iklim perniagaan di negara ini. Kerajaan adalah mengutamakan dasar-dasar dan prosedur mesra pelanggan atau *customer centric*.

Akhirnya beta mengharapkan supaya Ahli-ahli MMN akan dapat bersidang secara objektif dalam merangka isu-isu pembangunan rakyat dan penduduk negara ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Majlis Anugerah Kampung Cemerlang**  
**Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2 di Dewan Utama, Pusat**  
**Persidangan Antarabangsa, Berakas**  
**pada hari Sabtu 8 Jamadilawal 1433 Hijriah /**  
**31 Mac 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Skim Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) yang dimulakan tiga tahun lalu telah dapat diteruskan.

Pada hari ini kita memberikan penghargaan kepada Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung kerana usaha-usahanya, khusus dalam menggerakkan program satu kampung satu produk.

Beta berharap Skim AKC akan menjadi pendorong kepada usaha-usaha memacu kesejahteraan masyarakat kampung.

Dalam waktu yang sama Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung juga sedang memainkan peranannya dengan baik sebagai badan pergerakan kemasyarakatan.

Ia dilihat sebagai mampu untuk menjadi pemangkin kepada kepimpinan peringkat akar umbi.

Kepimpinan seharusnya menyeluruh dalam semua bidang: ekonomi, pendidikan, kemasyarakatan dan agama. Masyarakat mukim dan kampung mestilah turut menikmati hasil kepimpinan yang demikian itu. Jika tidak, kepimpinan tersebut masih saja dianggap gagal.



Tanda kepimpinan yang berkesan ialah manakala seseorang pemimpin itu berjaya menawan hati pihak-pihak yang dipimpinnya.

Dengan apakah hati itu boleh ditawan? Tentu saja dengan adanya kepimpinan yang baik, yang mampu untuk membawa perubahan-perubahan besar kepada masyarakat akar umbi.

Kalau ini tidak ada, bererti minat masyarakat kepada pemimpin itu boleh saja layu dan dingin.

Kerana itulah, beta amat kecewa jika penghulu atau ketua kampung mengabaikan anak buah mereka.

Anak buah itu terdiri daripada pelbagai kategori. Ada orang senang, di samping ada juga yang susah dan ada orang pandai, di samping ada juga yang kurang pandai.

Pendeknya bermacam-macam keadaan mereka itu.

Khusus bagi yang susah atau kurang pandai, sepatutnya mereka inilah yang lebih utama untuk diberikan perhatian. Kerana merekalah pada biasanya mempunyai banyak hajat, tetapi kurang tahu mengenai saluran yang perlu dilalui.

Misalnya, di mana mereka boleh mendapatkan bantuan dan apa caranya? Kata kita: Pergilah ke Baitul Mal atau ke Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tetapi soalnya, dengan apa dan siapa yang boleh menyampaikan mereka ke sana?

Itu belum lagi berbangkit perkara untuk menulis surat atau mengisi borang-borang tertentu dan seumpamanya. Jika mereka itu orang tua atau yang tidak pandai tulis-baca, bagaimana?

Di sinilah penghulu atau ketua kampung sangat perlu untuk berperanan, bukan setakat tahu membuat sokongan atau menurunkan tandatangan dan chop pada borang-borang yang sudah siap diisi dan kemudian menyerahkan sepenuhnya kepada anak buah untuk membuat urusan sendiri.

Apabila surat dan borang sampai kepada pihak berkenaan, ada di antara pemohon itu yang ditolak disebabkan kerana tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagai pemohon.

Mengapakah ini boleh berlaku? Kerana sokongan penghulu atau ketua kampung itu tidak kukuh. Jika ia kukuh, sudah tentu tidak berbangkit penolakan itu.

Mengapa sokongan tidak kukuh? Kerana fakta tidak betul atau tidak tepat. Mengapa fakta tidak betul atau tidak tepat? Kerana penelitian terhadap latar belakang anak buah yang disokong itu masih kurang lengkap, dalam makna, kita belum lagi mengenali siapakah anak buah kita itu yang sebenar-benarnya.

Kalau ini benar, bukankah ia satu macam pengabaian namanya? Itu baru dari sudut mengenali latar belakang, belum lagi lain-lain kewajipan yang lebih mencabar, seperti bersedia menunjuk dan membantu anak buah untuk memenuhi hajat-hajat besar mereka.

Dari sinilah berbangkitnya perkara kepimpinan itu. Beta difahamkan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang mengemaskan struktur Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, termasuk juga anggota-anggotanya dan akan lebih memfokus kepada aspek kepimpinan.

Pada beta, apapun yang dirancang dan dibuat, tujuan utamanya ialah untuk menambah nilai bagi kepimpinan institusi penghulu dan ketua kampung itu. Kerana kewujudan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung akan masih dianggap sebagai kurang bermakna, jika sekiranya kepimpinan penghulu dan ketua kampung itu sendiri masih lagi lemah atau kurang berkesan.

Jadi manakala disebut saja Skim AKC, maka ianya tidak boleh tidak masih berkait rapat dengan institusi penghulu dan ketua kampung. Oleh itu, penilaian tentang kecemerlangan di sini perlulah ditumpukan kepada aspek-aspek kebajikan mengambil berat oleh penghulu dan ketua kampung terhadap hal ehwal kampung dan anak buahnya.



Adalah belum memadai jika penghulu dan ketua kampung itu cuma setakat menyampaikan pencen-pencen tua dan bantuan-bantuan kebajikan sahaja. Tetapi turut lebih penting di sini ialah komitmen dan budi bicara penghulu dan ketua kampung dalam memeduli susah senang anak buah tanpa perlu menunggu anak buah itu datang mengadu. Kerana bukan tidak ada anak buah kampung yang bersikap lebih sabar dan tidak suka mengadu atau memang yang tidak tahu bagaimana untuk mengadu.

Di sinilah letaknya kepentingan sifat pemedulian dan inilah juga bakti adanya khidmat dan tanggungjawab itu benar-benar ditunaikan.

Beta mahu kepimpinan yang seumpama ini berlaku di mukim-mukim dan kampung-kampung di dalam negara ini.

Akhirnya beta ingin menyampaikan penghargaan kepada semua majlis perundingan yang menyertai Skim AKC kali kedua ini. Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pemenang-pemennangnya.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**dalam Istiadat Pengurniaan Bintang Kebesaran dan**  
**Pingat Kehormatan Kepada Pihak Pengurusan dan**  
**Pemain-Pemain Bola Sepak Negara Brunei Darussalam**  
**Sempena Memenangi Piala Hassanal Bolkiah 2012**  
**di Istana Nurul Iman**  
**pada hari Khamis, 13 Jamadilawal 1433 Hijriah /**  
**5 April 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya yang mengizinkan kita untuk berkumpul di Istiadat Pengurniaan Bintang Kebesaran dan Pingat Kehormatan kepada pihak pengurusan dan pemain-pemain bola sepak Negara Brunei Darussalam bersempena dengan kejayaan mereka menjuarai Piala Hassanal Bolkiah pada tahun ini.

Kejayaan Pasukan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam ini adalah merupakan satu pencapaian yang amat cemerlang dan sungguh membanggakan bagi seluruh rakyat serta penduduk khususnya di kalangan golongan belia di negara ini.

Beta merasa gembira dan seterusnya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pemain, jurulatih dan pengurus pasukan kita di atas kejayaan ini.

Kejayaan seumpama itu setentunya memerlukan komitmen dan disiplin yang tinggi di semua peringkat, baik di peringkat pengurusan mahupun di kalangan pemain itu sendiri.

Beta berharap kejayaan yang dicapai ini akan menjadi pendorong dan seterusnya menyuntik semangat ke arah mengangkat kecemerlangan sukan di Negara Brunei Darussalam lebih-lebih lagi untuk menjadikan Piala Hassanal Bolkiah sebagai platform untuk memajukan kecemerlangan bola sepak di rantau Asia Tenggara.

Beta ingin melihat pemain-pemain bola sepak Negara Brunei Darussalam di Kejohanan Piala Hassanal Bolkiah ini dijadikan sebagai asas penubuhan Pasukan Kebangsaan di bawah pengawasan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ke arah itu, adalah diharapkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan merancang skim dan program penggalak yang bersesuaian bagi mempersiapkan Pasukan Bola Sepak Kebangsaan berkenaan di kejohanan-kejohanan yang lebih mencabar.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah**  
**Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of**  
**Brunei Darussalam at the Occasion of State Visit**  
**to Republic of Turkey on 11th April 2012**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Your Excellency President Abdullah Gul,  
Your Excellencies,  
Distinguished Guests.

Firstly it is my great pleasure, to extend my highest thanks to His Excellency, the Government and people of the Republic of Turkey, for the hospitality and warm welcome accorded to me throughout my first visit to your country.

I feel honoured and happy with the program that has been prepared, both in Istanbul and Ankara.

Most specifically my visits to a number of historical places, has truly touched me deeply and personally. For history is the 'voice of the nation', that speaks with clarity and great articulation.

This is the value of history.

I am also in great awe of the achievements of the Republic of Turkey as one of the developed nations of the world.

This also means that we should applaud the people of this nation for their role in these achievements.

As such, I am proud to be a guest in this nation, and also sincerely wish to take this opportunity to convey the warmest regards of my government and the people of Brunei Darussalam.

Your Excellency,

I also value the views of Your Excellency in a number of forums, with regards to the efforts to a new order in international affairs that emphasised understanding, tolerance and goodwill.

This appreciation also extends to the contributions of the Turkish people to international research, training and humanitarian development, through the many academic, scientific and cultural institutions based in Turkey.

We are also moving in parallel with the government of the Republic of Turkey in extending continuous support to international organisations like the United Nations and the Organisation of Islamic Conference (OIC).

These efforts are most realistic, in fulfilling our joint aspirations, towards cooperation in building a world of peace and prosperity.

I am pleased and most delighted because this visit has given me the opportunity to discuss various fields of cooperation that can be explored between Brunei Darussalam and the Republic of Turkey.

Alhamdulillah, during this visit we have paved the way for greater cooperation with the signing of a few agreements.

I hope that these agreements will bring us closer together and enhance cooperation between the peoples of our two countries.

Your Excellency,

In concluding my address, once again I reiterate my deepest appreciation to Your Excellency, the government and people of the Republic of Turkey, for the warm welcome and hospitality accorded to me during this visit. All this will provide many warm and fond memories for me.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an**  
**Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi**  
**Tahun 1433 Hijriah /2012 Masihi (malam ketiga) di**  
**Dewan Plenari,**  
**Pusat Persidangan Antarabangsa,**  
**pada hari Khamis (malam Jumaat), 12 Jamadilakhir**  
**1433 Hijriah /3 Mei 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana berpeluang lagi untuk mendengarkan *kalamullah* oleh qari dan qariah pada malam ini.

Al-Qur'an itu apabila dibaca dengan suara yang merdu, ia membawa pengaruh kepada jiwa. Bukan sahaja mendatangkan ketenangan dan kekhusyukan, malahan juga menimbulkan inspirasi yang sihat. Di samping itu, Al-Qur'an juga boleh merawat dan mengubati segala penyakit.

Pada umumnya, Al-Qur'an bukanlah untuk dibaca sahaja, tetapi juga untuk diikuti segala ajarannya.

Beta difahamkan, tema Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan pada tahun ini ialah 'Al-Qur'an Panduan Kesempurnaan Insan'.

Tema ini tepat, kerana Allah Subhanahu Wata'ala memang menurunkan Al-Qur'an itu sebagai panduan. Barang siapa yang mengikuti petunjuknya, maka orang itu akan beroleh kesejahteraan dan kebahagiaan. Sebaliknya orang yang enggan akan kecewa dan

binasa.

Jika umat Islam benar-benar berpegang dan mengamalkan Al-Qur'an, maka Allah akan mengangkat darjat mereka.

Kerana itu, tidak ada jalan lain untuk umat Islam merebut semula zaman kegemilangan mereka melainkan hanya dengan kembali kepada Al-Qur'an sahaja dengan menjadikannya sebagai pedoman, panduan dan cara hidup yang lengkap.

Dalam bidang pembangunan fizikal pula, Al-Qur'an tidaklah menghalangi umat Islam dari melakukannya asalkan sahaja tidak melangkahi batasan-batasan hukum.

Pembangunan fizikal dalam Islam, di samping untuk menjana kemakmuran, ia juga untuk memelihara kesejahteraan serta dengan konsisten menghindari sebarang kerosakan dan kebinasaan di muka bumi, selaras dengan peringatan Allah dalam Surah Ar Ruum ayat 41 yang bermaksud: *"Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan-tangan manusia ..."*

Kerana itu, di samping pembangunan fizikal, di dalam Al-Qur'an juga banyak membincangkan tentang pembangunan insan kerana pembangunan insan itu adalah merupakan tonggak kepada pembangunan fizikal yang sempurna, seperti telah dijelaskan oleh Allah, bahawa kemusnahan manusia itu sendiri adalah berpunca dari maksiat dan penyelewengan yang mereka lakukan. Sebaliknya jika mereka itu beriman dan bertakwa, Allah pasti membalasnya dengan kebajikan, sebagaimana firman Allah dalam Surah Al A'raaf ayat 96 yang bermaksud: *"Dan jika penduduk di suatu negeri itu beriman dan bertakwa, nescaya Kami limpahkan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi."*

Akhirnya, beta sukacita mengucapkan tahniah kepada para peserta di kesemua peringkat pertandingan, khasnya mereka yang dapat bertahan sehingga ke peringkat akhir kebangsaan ini. Ketentuan siapa di antara mereka yang akan menjadi juara, maka sama-samalah kita menunggunya. Kepada qari dan qariah yang berjaya menjadi juara dan seterusnya akan mewakili negara ke Musabaqah Tilawah Al-Qur'an, Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur nanti, beta berharap mereka itu akan semakin meningkat sehingga sampai

ke tahap yang dihajati.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Majlis Persantapan Diraja Sempena Lawatan**  
**Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka**  
**Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV Malaysia,**  
**As-Sultan Almu'tasim Billah Muhibbuddin Tuanku Alhaj**  
**Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan**  
**Badlishah di Istana Nurul Iman**  
**pada hari Khamis, 18 Jamadilakhir 1433 Hijriah /**  
**10 Mei 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen,

Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa  
Muhammadin Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

PADUKA Kakanda, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV Malaysia, As-Sultan Almu'tasim Billah Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah; Paduka Kakanda, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Terlebih dahulu, Paduka Adinda dan Paduka Adinda Raja Isteri serta sekalian rakyat Negara Brunei Darussalam dengan amat sukacita mengalu-alukan keberangkatan Paduka Kakanda berdua ke Negara Brunei Darussalam.

Paduka Adinda dan rakyat negara ini amatlah menghargai keberangkatan Paduka Kakanda berdua, lebih-lebih lagi kerana ianya merupakan lawatan negara pertama Paduka Kakanda ke rantau ini setelah ditabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Yang Ke-14.

Ini adalah satu penghormatan yang juga mencerminkan betapa eratny hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia,

dua buah negara dari rumpun yang sama yang telah sekian lama dijalin kukuh oleh faktor sejarah, budaya, bahasa dan malah agama.

Paduka Adinda juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas Pertabalan Bersejarah Paduka Kakanda selaku yang Di-Pertuan Agong Malaysia buat kali keduanya.

Keberangkatan Paduka Kakanda ini sedikit sebanyak memberi peluang kepada Paduka Adinda untuk membalas layanan mesra yang diberikan pada setiap kali berada di Malaysia.

Paduka Adinda juga sangat gembira menghargai layanan seperti itu semasa kunjungan Paduka Adinda ke Malaysia pada bulan lepas.

Begitu juga Paduka Adinda tidak lupa akan layanan mesra Paduka Kakanda, Kerajaan dan rakyat Kedah Darul Aman semasa kunjungan pada tahun 2008 bersempena Sambutan Jubli Emas Pemerintahan Paduka Kakanda, selaku Sultan Kedah Darul Aman.

Sebagai seorang raja yang telah memerintah lebih dari separuh abad adalah pengalaman dan nasihat Paduka Kakanda sebagai Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-14 sudah sebarang tentu amat dihormati lagi dihargai.

Paduka Adinda masih ingat kali pertama Paduka Kakanda ditabalkan sebagai Yang Di-Pertuan Agong Malaysia pada tahun 1970, negara-negara di rantau ini pada masa itu menghadapi pelbagai cabaran.

Namun alhamdulillah, berkat kepimpinan bijaksana paduka kakanda maka kemajuan Malaysia dapat segera dinikmati. Setelah lebih dari tiga dekad berlalu, Paduka Kakanda sekali lagi mengambil alih jawatan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dalam keadaan dan era yang lebih mencabar.

Namun Paduka Adinda penuh percaya bahawa Paduka Kakanda akan terus memimpin dan membawa Malaysia ke puncak kegemilangan dengan menikmati keamanan dan kemakmuran.

Paduka Adinda gembira dengan tahap hubungan kerjasama kita. Tali persahabatan yang semakin kukuh dan mantap telah kita nikmati bersama, khasnya di beberapa tahun kebelakangan ini.

Kesepakatan yang dicapai dengan Perdana Menteri Dato' Seri Najib di dalam beberapa isu telah membuka lembaran baru dalam hubungan dua hala kita.

Ini menambahkan lagi rindangnya rangkaian kerjasama kedua buah negara dalam bidang-bidang perdagangan, pendidikan dan pertahanan.

Paduka Adinda gembira kedua belah pihak terus berganding bahu dalam mengembangluaskan lagi bidang-bidang kerjasama ini.

Pada tahun lepas, di kalangan negara-negara ASEAN, Malaysia adalah merupakan rakan kongsi perdagangan terbesar bagi Negara Brunei Darussalam.

Paduka Adinda sangat berpuas hati dengan keakraban syarikat-syarikat usaha sama kita yang mampu menjana insya-Allah, pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara.

Paduka Adinda juga pada kesempatan ini, tidak lupa untuk merakamkan penghargaan kepada kira-kira 30,000 rakyat Malaysia yang berada di negara ini.

Melalui tenaga dan kepakaran mereka sangat banyak membantu Brunei Darussalam untuk menggarap kemajuan dan pembangunannya.

Bagi mengakhiri ucapan Paduka Adinda ini sekali lagi Paduka Adinda mengalu-alukan keberangkatan Paduka Kakanda dan Paduka Kakanda Raja Permaisuri Agong berserta rombongan ke Negara Brunei Darussalam.

Paduka Adinda yakin lawatan Paduka Kakanda berdua ini akan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara rakyat kedua-dua

negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





**Titah**  
**Sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat**  
**Negara Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi di Pusat**  
**Persidangan Antarabangsa (ICC)**  
**pada hari Ahad 27 Rejab 1433 Hijriah/**  
**17 Jun 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir bagi memperingati serta membesarkan peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Peristiwa Israk dan Mikraj diketahui melalui Al-Qur'an dan Al-Hadits. Ia adalah mukjizat di antara mukjizat-mukjizat besar Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di antara agenda paling penting dalam peristiwa ini ialah pensyariatan sembahyang lima waktu kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Ia diterima secara langsung oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam daripada Allah Subhanahu Wata'ala sendiri, iaitu suatu isyarat jelas, bahawa ibadat sembahyang itu adalah ibadat paling utama di sisi Allah.

Ia bukan saja jadi jaminan untuk memperolehi keberuntungan di akhirat, malahan juga sebagai alat bagi menghias kehidupan dengan akhlak yang baik lagi terpuji, lawan kepada keji dan mungkar, sebagaimana terungkap dalam ayat 45 Surah Al-'Ankabuut, tafsirnya *"Baca dan ikutlah (wahai Muhammad) apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Qu'ran dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar."*

Ibadat sembahyang tidaklah lapuk dalam peranannya. Jika 1,400 tahun lebih yang lampau ia dikatakan sebagai pencegah perbuatan keji dan mungkar, maka sampai kinipun sehingga Hari Kiamat, ia akan tetap berfungsi demikian itu juga.

Peranan itu terus kekal, selaras dengan keperluan.

Fenomena di sepanjang zaman menambahkan lagi keperluan itu. Lihat sajalah kepada krisis-krisis moral di mana-mana, seperti saja dunia ini sudah tidak mempunyai ruang lagi untuk kemuliaan dan keluhuran bertapak, selain ianya sedang dicemari oleh kekejian dan kemungkaran belaka.

Maka di dalam keadaan atau kedudukan seperti ini, tidakkah ibadat sembahyang itu lebih-lebih lagi diperlukan untuk mengubati penyakit keji dan mungkar tersebut? Dan umat Islam yang sembahyang adalah penyumbang utama untuk itu.

Bayangkan, umat Islam yang berjumlah 2.1 bilion sekarang, jika mereka itu benar-benar melaksanakan ibadat ini dengan konsisten, tidakkah diragukan lagi, mereka adalah penyumbang kebajikan yang tidak ada taranya kepada dunia, kerana bukankah dengan berlakunya sembahyang orang Islam itu, kekejian dan kemungkaran dengan sendirinya akan turut tercegah dan menipis, berdasarkan isyarat daripada Allah di dalam firman-Nya di atas tadi.

Ertinya, kesan dari sembahyang orang-orang Islam itu adalah mampu untuk turut mengundangkan kekejian dan kemungkaran daripada merebak dan bermaharajalela di dunia.

Agama Islam tidak syak lagi adalah kaedah yang terbaik dengan ibadat sembahyang pula adalah sebagai terapinya.

Kehebatan dan kebenaran ibadat ini sebagai pencegah mungkar, telah terungkap dalam sebuah riwayat hadis: Bahawa Rasulullahi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah didatangi oleh seseorang dan orang itu berkata: *"Wahai Rasululllah, sifulan sembahyang pada sepanjang malam, tetapi di siang hari dia mencuri."*

Rasulullahi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:



*“Sembahyangnya akan mencegahnya (dari perbuatan mungkar itu).”*

- Hadis riwayat Ahmad dan Al-Bazzar.

Dari maksud hadis ini, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tetap menekankan bahawa hanya sembahyang jua yang mampu untuk menjadi ubat, dalam makna yang tersirat, si pencuri ini mestilah terus sembahyang, sambil membaiki dan menyempurnakan lagi sembahyangnya itu, insya-Allah kemungkaran akan lungsur dari dirinya.

Oleh itu, sayangilah sembahyang dan jangan ia dicuaikan. Mencuaikan sembahyang bermakna menolak rahmat, sedang rahmat itu amatlah mahal, sehingga tiada sebarang angka yang dapat menganggarkannya.

Pastikan dalam tiap-tiap rumah tangga kita, semua orang adalah sembahyang: ibu bapa sembahyang, suami isteri sembahyang, anak-anak sembahyang, sampailah kepada pembantu-pembantu kita pun, semuanya sembahyang.

Jangan ada walau seorang pun dari anggota keluarga yang tidak sembahyang.

Menyebut tentang ‘keluarga’ ini, kita baru-baru ini telah pun menyambut ‘Hari Keluarga’. Tetapi sedikit pelik, semua acara, tidak adapun yang mengimbas, berkaitan dengan ibadat satu-satu keluarga, misalnya bagaimana sesebuah keluarga itu dilihat sedang sembahyang berjemaah di rumah atau di masjid, melainkan semuanya hanya bercorak hiburan dan permainan semata-mata.

Apakah ini memang calak bagi tiap-tiap keluarga di Brunei? Beta rasa bukanlah begitu.

Tetapi kelemahan kita, kita mungkin saja kurang peka dengan perkara-perkara besar, sebaliknya telah terbiasa untuk memilih jalan mudah suka berseronok.

Untuk ini, beta ingin mengingatkan supaya kita lebih serius dalam apa jua perkara yang menyangkut dengan kehidupan beragama, bernegara dan berkeluarga.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan**  
**Ketujuh Sekolah Pegawai Kadet ABDB di Sekolah**  
**Pegawai Kadet, Perkhemahan Sungai Akar pada hari**  
**Khamis, 15 Sya'aban 1433 Hijriah /**  
**5 Julai 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

DENGAN bersyukur dan gembira beta mengucapkan syabas kepada Pegawai-Pegawai Kadet atas pertunjukan perbarisan mereka yang memukau lagi bersemangat.

Beta turut berbahagia dapat hadir di Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ketujuh Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ini.

Beta juga mengambil maklum bahawa 26 orang Pegawai Kadet telah pun berjaya menjalani latihan padu mereka selama 42 minggu. Di antara mereka itu termasuk juga dua orang Pegawai Kadet Pemegang Biasiswa Pemerintah Tertinggi dan Biasiswa ABDB. Ini adalah merupakan sejarah manis seumur hidup bagi mereka.

Tidak syak lagi, latihan dan pembangunan sumber tenaga manusia yang seumpama ini adalah sangat penting bagi kesinambungan sesebuah institusi dan malah juga secara amnya turut menyumbang kepada kemajuan dan masa depan negara.

Fungsi latihan adalah sebagai pelengkap, dalam makna, mereka yang menjalani latihan itu adalah sedang melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu, dengan kebolehan dan kemahiran yang sangat-sangat diperlukan.

Berasaskan ini, jika kita terangsang untuk mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah berjaya menjalani latihan maka

kita juga adalah wajar untuk merakamkan penghargaan dan tahniah yang sama kepada para jurulatih mereka. Tanpa komitmen mereka hasil yang diharap-harapkan tidak akan menjadi kenyataan.

Beta percaya, para jurulatih telah pun melaksanakan tugas mereka dengan baik dan sempurna kerana mereka cukup memahami akan kepentingan latihan-latihan itu sebagai punca untuk menentukan kualiti pegawai. Tanpa latihan yang berkualiti adalah mustahil untuk melahirkan pegawai-pegawai yang berkualiti pula.

Selain itu, patut juga disebut di sini, akan dukungan moral para ibu bapa yang merestui penglibatan anak-anak mereka dalam bidang pertahanan, adalah merupakan suatu wawasan besar lagi berani yang wajar untuk diberikan pujian.

Beta dengan ikhlas dan penuh bangga mengucapkan tahniah serta terima kasih kepada para ibu bapa yang berkenaan di atas sokongan dan kesedaran menggalakkan anak-anak mereka untuk menceburi bidang pertahanan ini.

Semoga restu dan doa mereka itu turut mendatangkan berkat dan rahmat kepada ABDB pada khususnya dan negara pada umumnya.

Berbalik lagi kepada latihan, pengurusan perlulah terus dimantapkan dengan menambahkan beberapa kaedah, seperti piawai antarabangsa, *computer based training* dan pengiktirafan akademik.

Sebagai langkah awal pada hemat beta, adalah wajar supaya cadangan penganugerahan Extended BTEC, Diploma in Strategic Management and Leadership untuk mata pelajaran Sekolah Pegawai Kadet, dimulakan pada tahun depan.

Akhir kata, kepada seluruh warga Akademi Pertahanan, khususnya pada Sekolah Pegawai Kadet Komandan Colour Sergeant dan para jurulatih, beta sekali lagi merakamkan penghargaan atas usaha mereka yang gigih, semoga kualiti kejurulatihan akan terus berkembang melalui pengalaman yang boleh dibawa ke pengambilan Pegawai Kadet yang seterusnya.

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan berkat kalimah suci *Bismillahir Rahmanir Rahim*, beta sukacita mengurniakan tauliah, sebagai Pegawai Tentera di dalam ABDB,

kepada 26 orang Pegawai Kadet Pengambilan Ketujuh.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 Tahun**  
**pada hari Ahad 25 Sya'aban 1433 Hijriah /**  
**15 Julai 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua dapatlah istiadat bagi meraikan Hari Keputeraan beta pada pagi ini berjalan dengan baik dan lancar.

Pertama-tama, beta ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para tetamu khas beta yang sudi hadir ke istiadat ini dan juga kepada semua pihak yang telah menyebarkan perutusan ucap selamat kepada beta serta keluarga bersempena perayaan ini.

Dalam apa jua keadaan dan suasana ketika menyambut keraian ini, kita hendaknya jangan terlepas pandang dari mensyukuri nikmat Allah kepada kita dan negara, berupa keamanan dan kesejahteraan.

Beta juga bersyukur mempunyai rakyat yang bersatu padu dan bertanggungjawab untuk sama-sama memelihara nikmat yang agung ini.

Dari keamanan akan wujud kestabilan dan dari kestabilan, memungkinan kita lebih rancak untuk menggarap kemakmuran.

Oleh itu, semua lapisan rakyat adalah berkewajipan untuk memelihara dan mempertahankan kestabilan tersebut.

Dengan nikmat rezeki serta kestabilan yang ada, kerajaan beta insya-Allah, akan meneruskan agenda pembangunan di dalam negara.

Pada tahun ini, kita telah memulakan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 iaitu RKN kedua bagi membantu kita merealisasikan Wawasan Negara 2035. RKN pada kali ini lebih menekankan kepada usaha memperkasa keupayaan tenaga kerja, selari dengan teknologi baru dan inovasi, di samping memberikan perhatian kepada kemudahan prasarana, pendidikan, kesihatan, perhubungan, perumahan, riadah serta tempat-tempat beribadat. Langkah ini diharapkan mampu untuk membantu mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi, setanding dengan kadar pertumbuhan ekonomi serantau.

Oleh itu, adalah sangat mustahak bagi kita memastikan pelaksanaan projek-projek di bawah RKN Ke-10 ini berjalan dengan menepati sasaran waktunya. Janganlah ada yang tertinggal di belakang, apatah lagi yang terbantut.

Beta amatlah gembira mendapati pendekatan baru kita dalam menyediakan perumahan untuk rakyat telah menampakkan hasil yang menggalakkan. Bilangan rumah-rumah yang telah siap dan yang sedang dalam pembinaan ternyata berupaya untuk mengurangkan tempoh menunggu bagi pemohon-pemohon.

Dalam usaha meningkatkan kesejahteraan perumahan bagi rakyat ini, beta telah pun memperkenankan beberapa inisiatif untuk dilaksanakan oleh kerajaan, seperti berikut:

Pertama - Untuk tidak mengenakan bayaran premium tanah bagi pembaharuan pajakan tanah yang tidak melebihi satu ekar, yang di atas tanah berkenaan sudah terdapat rumah kediaman pemilik atau untuk didirikan rumah kediaman bagi tujuan yang sama.

Kedua - Satu Skim Tabungan Perumahan diwujudkan khusus untuk ahli-ahli TAP rakyat Negara Brunei Darussalam. Keutamaan mewujudkan skim ini ialah sebagai bantuan kepada ahli-ahli TAP yang berpendapatan rendah.

Skim sukarela atau *voluntary* ini akan melayakkan peserta-pesertanya untuk menerima manfaat-manfaat tertentu, antaranya

jaminan pemberian pulangan tahunan dengan kadar tertentu dan bagi peserta yang pendapatan keluarganya (household income) tidak melebihi BND4,000 sebulan akan layak untuk dihulurkan bantuan kerajaan berjumlah tidak melebihi BND25,000.

Ketiga - Bagi anggota Perkhidmatan Awam, beta juga telah memperkenankan satu Skim Pinjaman Kewangan Perumahan di Jabatan Perbendaharaan untuk dikemaskinikan dan disesuaikan dengan keadaan dan keperluan masa kini. Melalui perubahan tersebut, jumlah kemudahan kewangan yang boleh dipohonkan bagi membina atau membeli sesebuah rumah akan ditambah kepada 60 bulan daripada gaji pokok, berbanding hanya 48 bulan yang dibenarkan pada masa ini, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Kemudahan kewangan tersebut juga akan dilartatkan bagi pembelian tanah bagi pembinaan rumah berkenaan dengan menggunakan peruntukan tidak melebihi 24 bulan daripada gaji pokok bagi kemudahan kewangan tersebut.

Dengan bantuan serta kemudahan-kemudahan yang disediakan ini, beta percaya ianya akan dapat meringankan beban kos pemilikan rumah di kalangan golongan-golongan tertentu di negara ini, terutama mereka yang berpendapatan rendah.

Walau bagaimanapun, beta berharap dengan adanya bantuan dan kemudahan ini akan menggalakkan lagi orang ramai untuk sentiasa berjimat cermat dan berbelanja mengikut keperluan.

Sebagai usaha kerajaan dalam pembangunan negara yang lebih menyeluruh, satu berita baik, setelah selesainya kajian *feasibility*, kerajaan beta sekarang ini sedang merancang dengan terperinci bagi pembinaan sebuah jambatan yang akan menghubungkan Daerah Temburong dengan Daerah Brunei dan Muara.

Sejajar dengan tuntutan masa dan perkembangan global, beta dalam bidang ICT telah juga memperkenankan peruntukan sejumlah BND230 juta di bawah RKN Ke-10 untuk Kementerian Perhubungan melaksanakan projek 'Fibre-to-the-Home', yang pada asasnya akan menyediakan infrastruktur jalur lebar yang menyeluruh.

Ini tidak syak lagi akan membawa kepada kemajuan internet yang lebih berkualiti yang mampu dimiliki oleh orang ramai. Pada waktu

yang sama, kemajuan perkhidmatan ini juga akan turut mengangkat daya saing negara bagi menarik pelaburan asing.

Namun perlu pula disedari akan kesan-kesan buruk sampingan yang boleh saja berlaku dari penyalahgunaan alat canggih ini. Kerana itu sangatlah wajar untuk diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkepentingan supaya lebih meningkatkan lagi keupayaan dan kewaspadaan dalam perkara-perkara kawalan, pencegahan dan penguatkuasaan.

Turut sama berkewajipan itu ialah para ibu bapa, guru-guru, masyarakat, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan lebih-lebih lagi para belia, selaku pengguna terbesar kemudahan ICT itu.

Ambillah langkah memanfaatkan ICT itu dengan cara yang betul.

Kewajipan ini adalah kewajipan semua. Kita mesti mengamalkan nilai-nilai murni dan memelihara jati diri kita dengan calak MIB.

Kita adalah bangsa yang membangun dengan undang-undang, pendidikan dan akhlak yang baik, serta bergerak maju di atas landasan ajaran agama yang suci. Kita menawarkan persahabatan kepada semua warga dunia sambil memberitahu bahawa kita juga adalah rakan yang baik yang sentiasa bersedia untuk menghormati sesiapa saja.

Demikian itulah pula, kita mengharapkan agar rakan-rakan juga berpendirian seperti kita dalam menilai dan memahami aspirasi masing-masing demi untuk keselamatan dan kesejahteraan, sekalipun tanggapan kita adalah berbeza.

Bersukut dengan 66 tahun keputeraan beta ini, dengan segala kesyukuran yang akan melepaskan kita semua terutama raja, dari dituntut oleh Allah Ta'ala pada Hari Kandila kelak, maka beta dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Pemurah, setelah meneliti dan mendapat nasihat daripada badan yang berkenaan, sukacita memaklumkan bahawa beta telah memperkenankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah untuk dilaksanakan di negara ini. Namun dalam pada itu, peruntukan sivil atau ta'zir atau seakan-akan ta'zir akan terus juga diguna pakai mengikut keperluan.

Masih berkait dengan undang-undang. Kerajaan beta dalam menangani perbuatan-perbuatan curang, yang sepatutnya tidak berlaku, seperti jenayah penyeludupan keluar minyak bersubsidi seperti diesel, yang amat merugikan itu, tidak akan dibiarkan begitu saja. Kerajaan beta adalah tidak teragak-agak untuk menggunakan undang-undang bagi membanterasnya.

Sebagai sebuah negara yang berkerajaan, Perkhidmatan Awam adalah jenteranya. Beta masih merasakan bahawa kecekapan pengurusan dan disiplin dalam Perkhidmatan Awam itu masih saja tetap di tahap yang memerlukan peningkatan. Kemajuan kerjaya pegawai yang menitikberatkan kepimpinan masih memerlukan perhatian.

Kerana itu, sehubungan dengan ini, beta telah pun memperkenankan satu kaedah kenaikan pangkat yang digelar 'Kaedah Kenaikan Pangkat Laluan Laju', sebagai kaedah yang bukan eksklusif dan juga sebagai sebahagian dari usaha dalam rancangan penggantian pegawai-pegawai Bahagian II ke atas.

Kaedah ini dianggap mampu untuk merangsang pegawai-pegawai yang berprestasi tinggi, rajin dan komited.

Dalam bidang kesihatan pula kerajaan adalah tidak lalai untuk meningkatkan skop dan kualiti perkhidmatan. Namun kes-kes penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, buah pinggang, darah tinggi, jantung dan kanser, terus saja meningkat dan bahkan di tahap yang membimbangkan.

Pada hemat beta, cara mencegah dan mengatasi penyakit-penyakit ini adalah banyak bergantung kepada kesedaran dan keazaman setiap individu. Untuk sihat, kita memerlukan disiplin gaya hidup sihat dan pemakanan sihat. Di antara gaya hidup sihat itu ialah rajin beriadah. Sementara pemakanan sihat pula, ada dengan ketentuan-ketentuannya yang tersendiri.

Dalam hal ini, ingin juga beta melihat, sejauh manakah sudah segala kempen atau promosi kita tangani, termasuk menilai keberkesannya secara *empirical*?

Kematian bukan saja kerana penyakit tetapi juga turut berlaku akibat kemalangan jalan raya. Ini juga amat membimbangkan kerana bilangannya terus meningkat.

Orang ramai biasanya sangat berhajat kepada jalan raya yang berkualiti, tetapi ramai yang tidak mengendahkan harapan kerajaan untuk melihat supaya semua pengguna jalan raya juga mestilah berkualiti.

Walau macam manapun, setakat ini beta turut berpuas hati dengan pengenalan sistem demerit yang dianggap berpotensi tinggi bagi usaha-usaha penggunaan jalan raya yang lebih berhemah dan selamat.

Di dalam arena antarabangsa pula, beta juga sangat berpuas hati kerana kita dapat memainkan peranan untuk kepentingan bersama di dalam pelbagai bidang, khasnya bidang kerjasama serantau mahupun global, berasaskan konsep terbaik-baik dan hormat-menghormati serta tidak campur tangan dalam urusan atau kepentingan masing-masing.

Pada tahun 2013, insya-Allah negara kita akan menjadi Pengerusi ASEAN dan juga tuan rumah kepada Mesyuarat Kemuncak ASEAN dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan.

Akhirnya, beta dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk, termasuk semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, Pasukan-pasukan Keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta di atas sumbangan dan sokongan mereka kepada kerajaan beta.

Penghargaan yang setinggi-tingginya juga beta sampaikan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Perayaan di kedua peringkat kebangsaan dan daerah, atas segala khidmat usaha yang gigih pada menjayakan Perayaan Ulang Tahun beta tahun ini.

Beta juga berdoa semoga Negara Brunei Darussalam ini akan senantiasa kekal aman dan makmur, dikurniakan limpah rahmat

dan lindungan dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





**Titah**  
**Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat**  
**Negara Bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi di Dewan**  
**Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas**  
**pada hari Ahad, 17 Ramadan 1433 Hijriah/**  
**5 Ogos 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaah 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

MARILAH kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mempertemukan kita lagi dengan bulan Ramadan yang mubarak, bulan diturunkan kitab suci Al-Qur'an. Sayugia hendaknya kita tidak lupa mengisi bulan ini dengan ibadat, khasnya dengan amalan membawa Al-Qur'an.

Kekuatan Islam terletak pada Al-Qur'an. Kekuatan Al-Qur'an pula terletak pada keasliannya yang tidak dicemari oleh tangan-tangan manusia. Adalah menjadi tanggungjawab setiap kita untuk mempertahankan, memelihara dan menjaga keaslian tersebut. Antara cara kita mempertahankan, memelihara dan menjaga keaslian itu ialah melalui aktiviti penghafalan ayat-ayat Al-Qur'an itu.

Beta sangat gembira, aktiviti penghafalan Al-Qur'an adalah sedang berkembang dengan baiknya di negara ini. Beta berharap dengan adanya pertandingan menghafal Al-Qur'an seperti yang berjalan pada masa ini dan juga dengan adanya Institut Tahfiz Al-Qur'an, maka kita insya-Allah ada harapan untuk dapat melahirkan lebih ramai lagi penghafal-penghafal Al-Qur'an yang berilmu dan berkualiti.

Al-Qur'an adalah sumber ilmu pengetahuan. Di dalam Al-Qur'an, manusia digalakkan untuk menyelidik fenomena alam, seperti pertukaran malam dengan siang, kekayaan bumi, air, udara, api, rahsia kelahiran dan kematian dan lain-lain. Di dalam Al-Qur'an juga terkandung dasar-dasar ilmu pengetahuan dan teknologi, ilmu kedokteran, ilmu astronomi, ilmu matematik dan lain-lain.

Di dalam Al-Qur'an terdapat ayat-ayat mengenai sejarah, perubahan pemakanan, kesihatan dan bahkan mengenai kesusasteraan yang kesemuanya itu boleh menjana pertumbuhan tamadun dan pemikiran. Ini, bersesuaian sekali dengan tema sambutan pada kali ini 'Al-Qur'an Sumber Inspirasi'.

Dengan menjadikan Al-Qur'an sebagai panduan hidup umat Islam akan mampu mencapai kejayaan sebagaimana di zaman keemasannya dahulu. Tetapi sekarang umat Islam tertinggal di belakang kerana mereka tidak atau kurang mengambil inspirasi dari Al-Qur'an. Al-Qur'an cuma dibaca, tidak dijadikan panduan. Sepatutnya, di samping kita membaca, isinya juga hendaklah dijadikan dasar dan asas panduan.

Oleh itu, tidak boleh tidak, adalah menjadi kewajipan umat Islam untuk kembali kepada petunjuk Al-Qur'an bagi meraih kegemilangan. Dalam makna lain, kita perlu bangun selaku generasi pembaca, di samping sekali gus menjadi pengamal ajaran Al-Qur'an itu.

Untuk melahirkan generasi Al-Qur'an, beta telah pun memperkenalkan beberapa skim penggalak berupa elaun bulanan kepada siapa yang diperakui lulus hafalannya oleh Lembaga Tasmi'e, mengikut kategori. Beta juga memperkenalkan Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an bagi qari dan qariah yang dihantar mewakili negara ke Pertandingan-pertandingan Membaca Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa khususnya Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur. Bagi siapa yang berjaya memenangi tempat pertama, kedua atau ketiga dalam Majlis Tilawah ini akan diberikan hadiah galakan berupa wang tunai.

Sebagai galakan seterusnya, beta telah memperkenalkan pemberian elaun sebanyak BND2,000 sebulan bagi sepanjang hayat, kepada qari dan qariah penyandang johan dalam Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia. Elaun ini juga adalah sebagai tanda pengiktirafan kerajaan kepada penyandang dan penghargaan atas sumbangan mereka mengangkat nama baik negara. Ia juga diharapkan dapat menyuntik semangat supaya lebih ramai lagi rakyat beta yang akan turut mempelajari dan meminati seni membawa Al-Qur'an itu sehingga kita benar-benar menjadi generasi Al-Qur'an.

Ke arah menjayakan gagasan ini, semua keluarga di negara ini perlulah memberikan perhatian yang serius terhadap pengajian



Al-Qur'an bagi anak-anak. Tidak ada siapa yang patut berkecuali daripada tanggungjawab ini. Sesungguhnya tidak syak lagi keluarga yang hebat lagi bahagia itu ialah 'Keluarga Al-Qur'an'.

Menyentuh berkenaan dengan keluarga ini, negara kita telah pun mengadakan Sambutan Hari Keluarganya yang pertama. Tujuan sambutan adalah untuk mengukuhkan lagi institusi keluarga itu. Tetapi perlu diingat, pengukuhan tidaklah akan berhasil cuma dengan program-program hiburan atau majlis-majlis semata-mata.

Setiap keluarga mestilah bijak menggunakan masa termasuk merebut peluang dari hari-hari kelepasan atau cuti-cuti awam umpamanya untuk mengajar atau membawa anak-anak ke kelas-kelas tambahan Al-Qur'an atau lain-lain yang bersifat ilmu.

Kita tidak wajar membiarkan atau menggunakan masa terbuang begitusaja. Kerana masaitu adalah emas, semua orang memerlukannya untuk digunakan pada tempat-tempat yang selayaknya. Cuti awam juga adalah masa yang amat berharga, semua orang sangat berhajat kepadanya, tetapi adakah semua orang juga tahu memanfaatkannya?

Kerana ia sangat dihajati dan diperlukan itulah maka mulai dari tahun 1433 Hijriah ini, cuti awam bagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri telah beta perkenankan untuk dilanjutkan dari dua hari seperti yang berjalan selama ini kepada tiga hari.

Beta berharap dengan tambahan cuti tersebut, umat Islam di negara ini pada khususnya, akan lebih banyak peluang untuk bersama-sama dengan keluarga masing-masing bagi menikmati kehidupan berkeluarga yang sebenar-benarnya. Sambil itu juga akan menambahkan lagi peluang untuk setiap keluarga dapat melakukan pelbagai aktiviti secara bersama-sama.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Asean Day Message 2012 From His Majesty The Sultan**  
**and Yang Di-Pertuan Of Negara Brunei Darussalam**  
**on 8th August 2012**

ASEAN Day is a special moment in the year when the Member States of our regional association honour the vision and wisdom of the Founding Fathers of who signed the Bangkok Declaration 45 years ago today.

At the same time, we celebrate more than a moment in history. We reaffirm the principles, values and common understandings that have shaped the associations work over the 45 years.

Together, these have made Southeast Asia more than a geographical location. They have defined its people as a community of nations with an approach to regional and international affairs that transcends different histories and backgrounds.

The result has been recognition of common interests, a search for shared agreement through consultation and consensus, and a deep respect for each other.

This is what has made ASEAN unique. It is why Brunei Darussalam is proud to be a member and, above all else, it is what we celebrate on ASEAN Day.

At the same time, we are looking forward to next year when we will have the honour of being the association's chairman.

We will be working with our partners to do all we can to strengthen and deepen the feelings among the six hundred million people of our region that ASEAN offers them hope, confidence and purpose as they face the challenges and demands of the modern world.

In this spirit, the people of Brunei Darussalam join me in sending our warmest ASEAN Day greetings to our respected friends and neighbours throughout our region.



**Titah**  
**Perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri**  
**Bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi**  
**pada hari Ahad, 1 Syawal 1433 Hijriah /**  
**19 Ogos 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaah 'Alihie Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

*Allahuakbar,  
Allahuakbar,  
Allahuakbar,  
Walillahilhamd.*

SELEPAS bersyukur kerana dapat menyempurnakan ibadat puasa sebulan genap, maka kini menyusul pula kita bersyukur kerana dapat menyambut Hari Raya Adilfitri yang mulia.

Tanda kita bersyukur itu ialah dengan melafazkan takbir dan tahmid, sebaik-baik sahaja diumumkan permulaan menyambut Hari Raya dan pada keesokan paginya pula adalah lebih meriah lagi lafaz-lafaz suci itu dikumandangkan di masjid-masjid dan surau-sarau di seluruh negara.

Beginilah keindahan Islam, ia sentiasa dihias dengan syukur dan dengan mengagungkan Allah. Orang Islam tidak boleh berhenti dari bersyukur dan tidak boleh lari dari mengagungkan Allah.

Walau apa pun keadaan, senang ataupun susah, kita adalah wajib bersyukur. Kerana senang dan susah itu masing-masing dengan hikmahnya, yang ditentukan oleh Allah.

Setiap hikmah yang datang daripada Allah adalah baik belaka. Semua itu bernama kebajikan. Hikmah senang, mungkin saja untuk menyukakan hati siapa yang diberi kesenangan itu, sementara hikmah susah pula adalah bertujuan lebih kepada memberikan pengajaran. Kedua-duanya membawa kepada kebajikan belaka.

Bukan semua apa yang kita suka itu mesti baik dan yang kita tidak suka pula tidak baik. Ini telah ditegaskan sendiri oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah, ayat 26, tafsir-Nya:

*“ ... dan boleh jadi kamu membenci sesuatu padahal ia baik bagi kamu. Dan boleh jadi juga kamu menyukai sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), hanya Allah jua yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.”*

Baru-baru ini, sedang negara bergembira menyambut Ramadan, tiba-tiba berlaku satu musibah yang tidak disangka-sangka, iaitu kemalangan helikopter yang mengorbankan beberapa orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Kejadian ini sungguh menyayat hati lebih-lebih lagi bagi keluarga-keluarga mangsa yang terlibat.

Sudah setentunya musibah seperti ini tidak kita ingini, tetapi ia berlaku juga, kerana ketentuan Allah telah berlaku di sini tanpa dapat dielak-elak lagi.

Jika merujuk kepada ayat di atas, kita hanyalah mampu untuk memikirkan hikmahnya sahaja, sementara selebihnya itu, hanya Allah jua yang mengetahuinya.

Di antara hikmah tersebut, kalau kita dapat menerimanya dengan sabar, maka kitalah orang yang berhak untuk menerima pahala daripada Allah.

Apakah dia pahala itu? Pahala adalah perkara yang amat berharga, malah tidak dapat dinilai harganya itu, kerana ia bukanlah komoditi yang diperniagakan, tetapi semata-mata kurnia Allah untuk orang-orang yang dikehendaki-Nya. Ia akan dijawab di Akhirat kelak, iaitu suatu hari di mana tidak ada lagi apa-apa yang kita inginkan, kecuali ganjaran pahala semata-mata.

Syaratnya, kita adalah dituntut supaya banyak-banyak bersabar dan reda menerimanya, selaku ujian daripada Allah. Pahala dari kesabaran itu insya-Allah akan dijawab oleh orang-orang yang berkenaan sejajar dengan tingkat kesabaran masing-masing.

Adapun kita yang tinggal, sama-sama turut berkewajipan untuk

mendoakan mereka yang telah pergi itu. Semoga roh-roh mereka dicucuri rahmat serta ditempatkan bersama-sama dengan orang-orang soleh.

Akhirnya beta dan keluarga beta dengan segala tulus ikhlas sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Al-Mubarak kepada sekalian rakyat dan penduduk di mana juga mereka berada, semoga kita semua dapat menyambut hari bahagia ini dalam suasana selesa dan aman di bawah inayah Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.

*Allahuakbar,  
Allahuakbar,  
Allahuakbar,  
Walillahilhamd.*

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri**  
**Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi**  
**anjuran Yayasan Sultan Haji Hassan al Bolkiah**  
**pada hari Selasa 9 Syawal 1433 Hijriah /**  
**28 Ogos 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat meraikan hari besar dan hari kemenangan umat Islam, Aidilfitri yang mulia. Aidilfitri adalah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-Nya yang berjaya melaksanakan ibadah puasa Ramadan sebulan genap.

Dalam suasana keraian Aidilfitri, biarlah sambutan Hari Raya ini menjadi satu ibadah yang disukai oleh Allah bagi mendapatkan ganjaran pahala-Nya.

Islam adalah satu-satunya agama paling sempurna untuk mengatur seluruh kehidupan alam semesta. Segala aturannya itu ialah untuk kebaikan belaka serta juga untuk menghapuskan kejahatan. Dalam bidang ekonomi, Islam juga berfungsi membawa manusia mencapai kemajuan yang sebenar-benarnya.

Beta difahamkan, Sambutan Aidilfitri Anjuran Yayasan pada tahun ini menampilkan para profesional dan pegawai-pegawai serta kakitangan tempatan yang berkhidmat di Government Linked Companies (GLC) dan sebahagian sektor swasta yang mewakili beberapa kategori perusahaan dan perkhidmatan di negara ini. Beta sangatlah mengalu-alukan penyertaan mereka itu.

Kewujudan sektor swasta dan GLC adalah memainkan peranan

sangat penting untuk membantu memajukan ekonomi negara.

Di dalam Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh 2012-2017 di mana menerusi Strategi Ekonomi, kita adalah sentiasa berusaha untuk membangunkan ekonomi berdaya saing yang mampu mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti bagi rakyat dan penduduk di sektor awam mahupun swasta.

Maka ke arah ini, GLC dan sektor swasta adalah diharapkan untuk dapat sama-sama meneliti strategi-strategi RKN, khasnya Strategi Ekonomi dan Strategi Ekonomi dan Strategi Pembangunan Tempatan bagi perkembangan dan kemajuan bidang-bidang berkenaan.

Beta percaya, dengan bermodalkan pengalaman, GLC dan sektor swasta boleh mengorak langkah bagi meneroka peluang-peluang yang lebih baik termasuk peluang di luar negara.

Dalam hubungan ini, kerajaan beta melalui beberapa agensi berkaitan sedang dan telah menyediakan pelbagai strategi, perkhidmatan dan kemudahan bagi membantu dan mengembangmajukan lagi sektor swasta, meliputi pendidikan dan profesionalisme pekerja-pekerja.

Beta turut bergembira mengetahui akan meningkatnya penglibatan sektor swasta dan GLC dalam melaksanakan program tanggungjawab sosial atau 'Corporate Social Responsibility' (CSR), khusus dalam mengambil tahu hal ehwal kesejahteraan anggota masyarakat yang memerlukan bantuan, yang lebih ketara lagi ianya dilaksanakan dalam bulan Ramadan yang baru berlalu.

Beta berharap usaha berkebajikan seperti ini akan dapat diteruskan dengan rangkaian kerjasama dan 'Strategic Partnership' dengan pihak Yayasan dan agensi-agensi kerajaan serta NGOs. Ianya tentu mampu mendatangkan manfaat timbal balik kedua belah pihak. Mereka yang dibantu akan mendapat keringanan, sementara bagi yang membantu pula akan mendapat kepuasan dan ganjaran yang tidak mampu digambarkan.

Sempena Aidilfitri ini, peluang dapatlah diambil untuk mengukuhkan lagi institusi kekeluargaan serta menjalin silaturahim

sesama kita.

Inilah cara kita orang-orang Brunei, kemeriahan tidak hanya diraikan di antara keluarga, sanak saudara dan rakan taulan, tetapi juga turut disemarakkan dalam kehidupan berorganisasi dan bermasyarakat. Ini akan menyuburkan lagi sikap hormat-menghormati, bantu-membantu dan bertolak ansur, telus, amanah serta jujur dalam semua aspek kehidupan.

Amalan baik seperti ini, apabila ia terus dilakukan akan menjadi budaya. Budaya hidup yang baik pula adalah mencerminkan kekuatan sesebuah masyarakat yang dibina dengan agama. Oleh itu, marilah kita sama-sama memelihara agama di dalam apa jua urusan dan pekerjaan kita. Beta yakin, di sinilah tunjang kekuatan dan kemakmuran kita selama ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Perasmian Majlis Ilmu 2012 Sempena Hari Keputeraan**  
**Baginda Ke-66 Tahun di Pusat Persidangan**  
**Antarabangsa, Berakas**  
**pada hari Selasa, 24 Syawal 1433 Hijriah /**  
**11 September 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Majlis Ilmu 2012 terus dijadikan salah satu acara utama perayaan sempena Hari Keputeraan beta pada tahun ini, dengan tema kali ini berbunyi : 'Nikmat Kesihatan Asas Kesejahteraan Negara'.

Agama Islam telah meletakkan kesihatan dan kesejahteraan itu di tempatnya yang tinggi selepas keimanan. Ini selaras dengan sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Ibnu Majah, yang bermaksud: "*Mintalah kepada Allah kesihatan dan kesejahteraan, kerana sesungguhnya tidak ada perkara yang lebih baik daripada kesihatan selepas iman.*"

Demikian nilai kesihatan itu. Ia adalah asas untuk penghidupan yang sempurna.

Nikmat sihat membolehkan seseorang dapat memenuhi hajatnya dengan baik, seperti mencari ilmu dan beramal ibadat dengan selesa.

Kesihatan yang optima tidak syak lagi akan membolehkan seseorang individu itu menunaikan kewajipan dunia dan akhiratnya dengan sempurna.

Pada hemat beta, tema Majlis Ilmu pada tahun ini sangatlah menarik dan bahkan penting kerana ianya boleh mengingatkan kita kepada perimustahaknya perkara kesihatan.

Warga yang sihat akan dapat memainkan peranan lebih cergas, lebih produktif dan efektif untuk masyarakat dan negara.

Alhamdulillah, kita di negara ini sudahpun mempunyai dasar perkhidmatan penjagaan kesihatan secara komprehensif dan menyeluruh, yang berkonsepkan *universal health coverage*. Kita kini telah berjaya menepati sasaran-sasaran kesihatan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, termasuk juga Matlamat Pembangunan Milenium atau Millennium Development Goals (MDG) yang berkaitan dengan kesihatan.

Namun kita tidaklah seharusnya merasa *complacent*, apatah lagi lalai atau kurang waspada. Ini kerana, seperti mana negara-negara lain di dunia, kita juga tidak terkecuali berhadapan dengan pelbagai cabaran kesihatan dan penyakit yang bukan saja menggugat masyarakat dan negara, malahan juga boleh menjejaskan pembangunan sosioekonomi negara.

Antara cabaran-cabaran tersebut termasuklah peningkatan jumlah penghidap penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit, seperti kanser, jantung, kencing manis dan darah tinggi, yang tidak mengenal usia atau status sosial. Penyakit-penyakit seperti ini, beta difahamkan, adalah menjadi penyebab utama kematian di negara ini.

Dalam menangani cabaran-cabaran sedemikian, beta berharap semua *stakeholders* yang berkenaan, khususnya Kementerian Kesihatan akan terus melipatgandakan usahanya dengan membuat pendekatan-pendekatan lebih holistik mengikut amalan terbaik, seperti menggunakan kaedah yang lebih kos efektif serta prinsip pencegahan lebih baik daripada rawatan.

Salah satu kaedah kawalan dan pencegahan itu, ialah melalui pengamalan cara hidup sihat, termasuk mengekalkan persekitaran yang bersih lagi selamat. Amalan-amalan baik seperti ini amatlah dituntut oleh agama Islam.



Demikian juga, Islam menekankan supaya kita tidak berlebihan dalam pemakanan.

Dipendekkan kalam, kerajaan beta adalah berharap untuk melihat rakyat dan penduduk di negara ini mempunyai tahap kesihatan yang optima.

Namun ini, hanyalah mungkin dicapai, jika setiap individu dan masyarakat sama-sama menyedari dan mengambil berat perkara-perkara kesihatan itu, bukannya semata-mata menyerahkan kepada pihak kerajaan.

Di pihak kerajaan pula, beta telah pun memperkenankan bagi pelantikan konsultan untuk tujuan menyediakan Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam, sebagai langkah meneruskan usaha memantapkan perancangan, meningkatkan kualiti dan memajukan lagi sistem penjagaan kesihatan negara dengan lebih terarah, selaras dengan Wawasan Brunei 2035. Langkah ini juga dihasratkan untuk melihat negara ini terus makmur dan sejahtera dengan rakyat dan penduduk dapat diberikan penjagaan kesihatan berkualiti dan komprehensif secara saksama.

Akhirnya beta berharap, Majlis Ilmu ini, dengan program-program yang disusun, akan dapat mencapai matlamatnya menyebarkan ilmu yang bermanfaat khususnya tentang penjagaan kesihatan.

Dengan *Bismillahir Rahmanir Rahim*, selawat dan salam ke atas Penghulu sekalian Nabi dan Rasul, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maka beta rasmikan Majlis Ilmu 2012 ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu' Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Majlis Konvoquesyen Ke-24**  
**Universiti Brunei Darussalam**  
**Bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi di Dewan**  
**Canselor Universiti Brunei Darussalam**  
**pada Hari Sabtu 27 Syawal 1433 /**  
**15 September 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

BERSYUKUR kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita bersama-sama hadir di Majlis Konvoquesyen Universiti Brunei Darussalam Ke-24 pada pagi ini.

Beta dengan tulus ikhlas terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian mereka di universiti ini. Jadikanlah kejayaan ini sebagai titik permulaan untuk terus maju dan meningkat lebih tinggi lagi. Para graduan perlulah dinamik, inovatif dan kreatif, bukannya statik.

Mereka adalah bakal pemimpin dan selaku pemimpin, mereka tidak boleh bersikap lesu atau lemah. Segulung kertas (ijazah) yang diperolehi bukanlah lesen untuk berdiam diri. Ia cuma satu tanda pengiktirafan yang kita telah menamatkan pengajian.

Di hadapan ada banyak lagi cabaran sedang menunggu. Semua itu perlu ditempuh dengan jiwa cekal. Ketika masa menuntut dahulu, dunia awda hanyalah sebuah kampus yang kecil, tetapi apabila keluar, dunia itu menjadi lebih besar tiada sempadannya.

UBD sangatlah mustahak menanamkan motivasi ini kepada penuntut-penuntutnya. Tiupkan kepada mereka roh cintakan ilmu serta semangat juang yang tinggi untuk menghadapi kehidupan lebih



mencabar di luar kampus.

Ini penting kerana ramai orang, apabila keluar meninggalkan kampus, akan sindrom 'murung', tidak tahu apa yang akan dibuat.

Walaupun dalam masa setahun kebelakangan sahaja, UBD telah pun berjaya memfail banyak paten yang berpotensi untuk dikomersialkan, namun ini belumlah jadi ukuran tentang kehebatan penuntut secara batang tubuh. Kerana itulah beta tidak jemu-jemu mengingatkan supaya UBD dan penuntut-penuntutnya sama-sama meneroka program-program yang berguna sebagai sebahagian dari kegiatan akademik mereka.

Pada tahun sudah, beta ada menyebut tentang 'kajian' sambil membericontoh beberapa jenis herba yang perlu dicaributi saintifiknya selaku makanan dan termasuk juga khasiatnya. Sepatutnya pada tahun ini akan dapat didengar ceritanya, sekurang-kurangnya tentang sejauh manakah langkah sudah diambil mengenainya?

Benar, UBD berkembang dalam penyelidikan dan inovasi, tetapi mana oleh-olehnya di bumi yang nyata dari penyelidikan itu? Selain herba, adalah lagi banyak yang juga perlu dikaji. Mana kajian tentang 'kemiskinan' umpamanya? Mana statistik rasmi mengenainya? Sudahkah ia pernah dibuat?

Lain lagi kajian, yang mungkin saja dianggap remeh tetapi sebenarnya bukan remeh seperti kajian tentang isu sosial yang semakin kritikal? Mana kajian tentang jenayah? Mengapa ia semakin berkembang? Kajian tentang pelanggaran undang-undang, seperti Akta Kastam dan Eksais, Akta Imigresen, Akta Penyalahgunaan Dadah, Akta Buruh, Akta Penyeludupan Minyak dan Beras dan lain-lain lagi, yang semua itu kelihatannya, seperti sudah tidak dapat dibendung lagi?

Bukankah semua itu penting untuk dikaji? Kalau tidak ada kajian, bagaimanakah kita boleh tahu puncanya? Jika tidak tahu puncanya, bagaimanakah mungkin untuk kita membanterasnya?

Begitulah kepentingan kajian. Negara tidak syak lagi adalah memerlukan 'pangkalan data' untuk menangani semua ini.

Pada hemat beta, perkara ini boleh menjadi lebih mudah untuk dilakukan, selaras dengan perkembangan teknologi pesat dan cepat yang telah menguasai pengajaran dan pembelajaran serta juga bidang penyelidikan sendiri.

Dengan terbukanya era digital ini, beta melihat, ianya juga boleh membuka peluang lebih luas kepada rakyat dan penduduk untuk mengaut ilmu di peringkat yang lebih tinggi, sejajar dengan hasrat negara ingin membina masyarakat yang berpengetahuan (knowledge society). Dan sehubungan ini, beta juga yakin UBD mampu untuk meneroka pendekatan yang munasabah, seperti menawarkan program pengajian melalui pembelajaran secara *online* dengan menggunakan teknologi terkini itu.

Dari segi perkembangan sumber tenaga manusia pula, beta adalah mengambil maklum bahawa UBD telah mengemukakan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik yang baru, sebagai pemangkin bagi para akademik memberikan sumbangan yang terbaik seperti menghasilkan pengajaran dan penyelidikan yang berkualiti. Dengan skim baru ini, mudah-mudahan juga ia dapat menarik minat para akademik luar untuk sama-sama berkhidmat dan menyumbang kepada perkembangan UBD. Adalah sangat elok, jika skim ini dapat dilaksanakan sebelum penghujung tahun ini.

Selain untuk pembangunan negara, UBD juga beta lihat telah melibatkan diri dalam pembangunan serantau dengan menyumbang kepada inisiatif ASEAN Community 2015 melalui pengendalian program-program serta latihan kepada guru-guru bahas Inggeris daripada negara-negara ASEAN, dengan kerjasama oleh East-West Centre dari Amerika Syarikat.

Dalam hubungan ini, satu sahaja pesanan beta bahawa inisiatif ini janganlah dijadikan wadah untuk mengubah atau mengaburi aspirasi negara mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan bahasa rasmi. Berpendirianlah seperti pendirian bangsa-bangsa besar dan maju dengan bahasa mereka, bukannya berpendirian orang-orang yang tidak berwawasan.

Akhirnya, beta sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang berjaya dan mengambil kesempatan juga untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga Universiti

Brunei Darussalam yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat Universiti, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, ahli akademik, pegawai dan kakitangan universiti atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Semoga Allah jua yang diharapkan untuk mengurniakan ganjaran-Nya kepada mereka berupa rahmat dan pahala.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-22**  
**bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi**  
**pada 8 Zulkaedah 1433 /**  
**24 September 2012.**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaah 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat lagi sama-sama berkumpul untuk meraikan Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-22.

Bersempena dengan sambutan ini, beta dengan ikhlas mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini. Semoga sambutan yang kita raikan ini dapat menyemarakkan terus semangat para guru dalam menyumbang khidmat selaku pendidik.

Di kesempatan ini juga, beta mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih di atas penglibatan para murid dan pelajar di Sekolah Kerajaan dan Swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam Majlis Khatamal Qur'an sebanyak 66 kali bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Beta yang Ke-66 tahun.

Kegiatan seumpama ini boleh membantu usaha ke arah melahirkan model insan yang berilmu, berkepandaian serta beriman.

Tema Hari Guru pada tahun ini : 'Guru Berkualiti Pelajar Berinovasi.' Tema ini jelas menuntut kapasiti guru dan peranan mereka untuk melahirkan pelajar yang berdaya maju. Kualiti guru pada hemat beta mencakupi beberapa perkara pokok, iaitu: peribadi yang baik untuk diteladani oleh pelajar, sikap ikhlas, cekap dan kaya ilmu untuk mendidik para murid atau pelajar menjadi insan yang

berpengetahuan dan berakhlak mulia.

Menyentuh perkembangan pendidikan, khususnya pendidikan di peringkat rendah dan menengah, dalam pemerhatian beta dan hasil maklumat dari lawatan ke sekolah-sekolah kerajaan, penguasaan kemahiran pelajar dalam bidang Matematik dan Bahasa, sungguh pun ada menunjukkan kemajuan, namun masih saja memerlukan peningkatan. Perkara ini penting memandangkan penguasaan dari peringkat asas adalah tapak yang kukuh untuk meneruskan pelajaran ke pengajian menengah dan tinggi.

Sehubungan ini, usaha mestilah dipertingkatkan lagi bagi menutupi kekurangan guru-guru tempatan yang mengajar dua bidang berkenaan iaitu Bahasa dan Matematik. Apabila beta menyebut 'Bahasa', bukanlah terhad kepada Bahasa Inggeris sahaja. Malah juga Bahasa Melayu sendiri. Kerana khabar-khabarnya, markah Bahasa Melayu dalam ujian atau peperiksaan sering didapati rendah, berbanding markah Bahasa Inggeris. Kalaulah ini benar, mengapakah pelajaran Bahasa Melayu juga tidak dikuatkan? Ingatlah, bahasa itu adalah jiwa bangsa.

Beta difahamkan, beberapa inisiatif sedang giat diusahakan oleh Kementerian Pendidikan dalam usaha meningkatkan pendidikan melalui amalan-amalan terbaik global (international best practices) termasuk pelaksanaan projek-projek seperti Model Schools dan Learning Educators Advancing Pedagogy for 21st Century (LEAP21).

Dimensi-dimensi yang diserapkan dalam Model Schools, termasuklah autonomi dalam tadbir-urus, hubungan dengan komuniti, perubahan budaya sekolah dan pembangunan kapasiti guru adalah merupakan antara amalan terbaik antarabangsa yang terkandung dalam projek berkenaan. Semua ini diharapkan dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam bidang masing-masing.

Dalam bidang pendidikan teknik pula beta difahamkan, satu kajian mengenainya sedang dilaksanakan. Beta berharap, kajian ini akan dapat diteliti untuk dilaksanakan. Satu perancangan strategi perlulah diusahakan bagi tujuan mencapai matlamat pendidikan teknik tersebut. Ini termasuk jika perlu, penglibatan secara langsung oleh pihak industri dan pengusaha sehingga membolehkan mereka

mengongsikan pengalaman serta kepakaran masing-masing.

Ke arah ini, Kementerian Pendidikan perlulah melihat Skim Perkhidmatan Pendidikan Teknik serta memberikan inovasi kepada skim tersebut untuk membolehkan tenaga kerja di industri ini dapat menjadi tenaga pengajar di institusi pengajian teknik sama ada secara sambilan ataupun sepenuh masa.

Lagi sangat perlu diperhatikan bahawa dalam pendidikan itu terdapat dua unsur, Ugama dan Umum. Orang-orang sering lupa dan malah terlajak mengutamakan yang Umum sahaja sehingga tertinggal atau tercacirilah Ugama.

Dalam hubungan ini, Brunei sendiri turut mengalami sindrom 'lupa' itu dengan membiarkan dirinya tidak mempunyai sistem persekolahan 'Wajib Ugama' selama kira-kira 50 tahun, suatu ketelanjuran yang amat dikesalkan.

Maka dengan kemahuan beta sendiri, satu undang-undang khas telah digubal yang dikenali sebagai Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012. Undang-Undang ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

Dengan berjalannya undang-undang ini, insya-Allah, tidaklah akan ada lagi kanak-kanak Islam di negara ini yang akan tercacir dari memahami dan mengetahui ilmu asas pendidikan Islam. Tidak akan ada lagi orang yang tidak pandai sembahyang dan membaca Al-Qur'an.

Akhirnya, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima anugerah Hari Guru pada tahun ini dan tidak lupa merakamkan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan kepada perkembangan pendidikan di negara ini. Semoga usaha para warga guru itu akan sentiasa mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala, Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Majlis Persantapan Negara bagi meraikan**  
**Gabenor-Jeneral Australia, Puan Yang Terutama**  
**Quentin Bryce di Dewan Persantapan Diraja,**  
**Istana Nurul Iman**  
**pada hari Rabu 17 Zulkaedah 1433 Hijriah /**  
**3 Oktober 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

Puan Yang Terutama Gabenor-Jeneral Quentin Bryce dan  
Mr. Bryce,

Tuan-Tuan Yang Terutama,  
Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

SEBAGAI wakil bagi kerajaan dan rakyat Negara Brunei  
Darussalam dan diri beta sendiri, beta ingin mengucapkan kepada  
anda berdua selamat datang ke Negara Brunei Darussalam.

Lawatan anda memberikan kita peluang untuk membalas layanan  
mesra yang dialu-alukan, yang telah diberikan kepada beta semasa  
beta melawat ke Australia.

Negara Brunei Darussalam dan Australia telah lama mempunyai  
hubungan kerjasama yang erat dalam pelbagai bidang bagi  
kepentingan bersama, kemuncaknya dalam apa yang kita kongsi  
pada hari ini, saling hormat-menghormati, persefahaman dan kongsi  
sama.

Kerjasama erat kita merangkumi nadi bagi semua bidang politik,

perdagangan, ekonomi dan kerjasama sosial kita.

Kita hanya perlu melihat ramainya warga Australia yang bekerja  
di Negara Brunei dan ramainya warga Brunei yang melanjutkan  
pengajian tinggi mereka di Australia, sekali gus memperlihatkan  
sinergi yang wujud antara rakyat dan masyarakat kedua-dua buah  
Negara.

Ia juga mengukuhkan kerjasama penting yang kita lakukan  
hari ini dalam hubungan perdagangan dan dalam langkah-langkah  
keselamatan bersama.

Negara Brunei Darussalam melihat Australia berkembang dan  
membangun menjadi sebuah negara maju dan ekonomi serta kami  
sangat sangat mengagumi pencapaian anda.

Dalam masa yang sama, Negara Brunei Darussalam juga  
menghargai komitmen dan sumbangan Australia terhadap rantau ini  
dan juga dunia keseluruhannya.

Dan Negara Brunei Darussalam melahirkan rasa gembira dengan  
kerjasama kedua-dua buah negara banyak menumpukan dalam  
bidang pendidikan, yang mana lebih 400 warga Brunei kini belajar di  
maktab-maktab dan universiti-universiti di Australia.

Negara Brunei Darussalam juga berharap sumbangan mereka  
kepada pembangunan negara ini nanti sekembalinya mereka dengan  
membawa pengetahuan serta kemahiran yang mereka perolehi di  
Australia.

Dalam Hal Ehwal Serantau Negara Brunei Darussalam akan  
mengambil alih sebagai Pengerusi ASEAN tahun depan dan  
seterusnya melahirkan penghargaan di atas sokongan Australia  
sebagai rakan dialog ASEAN yang tertua.

Kesemua hubungan kedua-dua negara adalah berasaskan kepada  
persahabatan dan nilai-nilai yang dikongsi bersama.

Inilah mengapa ia adalah satu keseronokan yang sangat istimewa untuk anda dan suami anda di sini dalam kalangan kita dan saya amat berharap anda berdua mempunyai penginapan yang menyenangkan di Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Majlis Sambutan Hari Belia**  
**Kebangsaan Kali Ke-7 tahun 2012** di Stadium Tertutup,  
Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas  
**pada 20 Zulkaedah 1433 Hijriah /**  
**6 Oktober 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kerana dapat pula menghadiri perhimpunan Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada pagi ini. Kepada para belia, beta mengucapkan Selamat Menyambut Hari Belia Kebangsaan 2012.

Selaku warga dunia, Negara Brunei Darussalam adalah tidak terkecuali dari berhadapan dengan cabaran-cabaran yang dicetuskan oleh globalisasi. Ledakan teknologi maklumat yang semakin pesat dan canggih menyediakan ruang amat mudah untuk menyalurkan pelbagai agenda globalisasi itu, yang setengahnya membawa implikasi positif ataupun sebaliknya, terhadap aneka aspek kehidupan.

Di antara aspek paling mudah untuk dimasuki ialah sosiobudaya sesebuah negara dan bangsa. Ia akan melibatkan terutamanya generasi belia dan malah ummah seluruhnya.

Inilah cabaran yang sangat perlu disedari. Kelalaian kita menghadapinya akan membawa padah dan bencana.

Para belialah benteng yang paling diharapkan. Kerana itu amat perlu bagi mereka untuk memiliki daya tahan diri yang tinggi bagi menangkis segala gejala buruk dan jahat yang dicetuskan oleh globalisasi.



Pada masa ini, dunia kita sedang bergelora akibat tusukan tsunami yang bernama Innocence of Muslims sebuah filem menghina Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang juga bererti menghina agama Islam sendiri.

Kita umat Islam adalah dituntut untuk menolaknya dan malah berhak untuk menyekat saluran laman sesawang, di mana ia berkaitan. Kerana sesungguhnya menghina Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah suatu perbuatan yang tidak bertamadun lagi tidak bermoral, yang tidak dapat dimaafkan sama sekali.

Oleh itu, pendirian kita adalah tegas membantahnya dan malah tidak boleh bertolak ansur untuk menerimanya sebagai kebebasan bersuara atau *freedom of speech*, kerana tiada siapapun yang berhak untuk menghina sesuatu pihak, apatah lagi menghina seorang Nabi.

Pendirian kita ini juga adalah selaras dengan pendirian kebanyakan pendirian negara di dunia, khususnya negara-negara anggota OIC.

Beta suka mengingatkan bahawa perbuatan menghina Nabi atau menghina agama dalam apapun bentuknya adalah tidak akan ada titik noktahnya selama mana ada matahari dan bulan. Tinggal sahaja, kita amat perlu waspada dan bijaksana menghadapinya. Kita umat Islam tidak usahlah hilang punca, tetapi yang penting, suburkan ilmu agama di dada dan mintalah kepada Allah supaya Dia menetapkan iman, agar kita tidak terpedaya dengan agenda-agenda jahat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Menyebut mengenai ilmu agama, beta baru-baru ini telah mengisytiharkan Perintah atau Undang-Undang Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013. Sehubungan ini, pihak yang berkenaan eloklah mengambil kira, mana-mana kanak-kanak yang memang sudah sedia belajar agama termasuk Al-Qur'an, di sekolah-sekolah seperti Sekolah Al-Falaah dan Sekolah Arab atau yang sebanding dengannya supaya ditimbang sama ada mereka itu boleh dikecualikan dari perintah ini, dalam makna tidak perlu lagi dibebankan dengan pelajar di sekolah agama, seperti kanak-kanak lain yang bukan penuntut Sekolah Al-Falaah atau Sekolah Arab atau yang sebanding dengannya. Ini adalah munasabah dan praktikal, kerana pelajaran yang dipelajari di sekolah agama itu, itulah juga yang dipelajari di Sekolah Al-Faalah dan Sekolah Arab.

Beta penuh yakin, langkah mewajibkan pendidikan agama adalah langkah yang sungguh-sungguh tepat. Di samping sebagai keperluan asas, ia juga amat penting bagi *survival* masa depan kita. Cuba perhatikan sahaja kepada senario orang-orang menghina Nabi dan agama yang tidak pernah berhenti itu, andainya kaum belia atau generasi kita lemah agama atau miskin ilmu agama, bagaimanakah mereka akan dapat menghadapinya kalau dada kosong atau ketandusan ilmu agama?

Beta semakin terpenggil untuk menyebut perkara ini, setelah melihat tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini berbunyi : 'Generasi Belia Syumul'.

Erti syumul ialah sempurna atau unggul.

Dalam makna di sini, kita adalah menginginkan belia-belia yang sempurna lagi unggul. Sesungguhnya keinginan ini memanglah wajar dan luhur. Tetapi bagaimanakah untuk kita mencapainya?

Jawabnya, bukanlah setakat dengan kata-kata atau setakat azam dan semboyan untuk jadi syumul atau sempurna itu. Ini semua belum memadai, tetapi lebih penting ialah pengisian terhadap belia itu. Mereka perlu diisi dengan sesuatu sehingga membolehkan mereka benar-benar menjadi sempurna atau syumul.

Dengan bahan apakah mereka itu mesti diisi? Jawabnya dengan ilmu. Kerana tidak ada kuasa lebih hebat dari kuasa ilmu. Ilmulah yang menentukan keupayaan dan status seseorang sama ada di sisi Allah mahupun di sisi manusia sendiri.

Dalam makna, usaha kita untuk melahirkan generasi Belia Syumul, mestilah selari dengan usaha mengisi belia-belia tersebut dengan ilmu pengetahuan, khasnya ilmu agama.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





**Titah**  
**Sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-90**  
**Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa,**  
**Bandar Seri Begawan**  
**pada 25 Zulkaedah 1433 Hijriah /**  
**11 Oktober 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

TERLEBIH dahulu beta merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh warga Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan bersempena dengan Ulang Tahun Ke-90 penubuhannya. Sekolah ini tidak syak lagi adalah merupakan antara sekolah tertua yang masih kekal menyumbangkan khidmatnya kepada masyarakat.

Dalam lingkungan tempoh tersebut, sekolah ini turut memperolehi kecemerlangannya melalui pencapaian akademik dan juga anugerah yang disandang oleh beberapa orang pelajarnya di peringkat serantau dan antarabangsa.

Beta difahamkan, sekolah ini bukan sahaja membukakan pintunya kepada pelajar-pelajar berbangsa Tiong Hua tetapi juga turut menerima para pelajar dari pelbagai bangsa termasuk pelajar-pelajar Melayu.

Pada hemat beta, institusi pendidikan swasta adalah turut memainkan peranan penting dalam perkembangan dan kemajuan pendidikan di negara ini. Mereka juga tidak terkecuali dari mempunyai tujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang cekap, mahir dan profesional, di samping dalam masa yang sama, tidak mengabaikan 'faktor nilai' orang-orang Brunei.

Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 atau SPN21 adalah

pemangkin ke arah itu.

Terdapat usaha kerajaan beta untuk membantu sekolah-sekolah formal swasta di negara ini, termasuk bagi meningkatkan kualiti infrastruktur dan premis sekolah-sekolah swasta melalui bantuan mendapatkan tanah untuk membangun bangunan sendiri.

Inisiatif juga sedang diambil untuk meningkatkan kapasiti dan kompetensi guru-guru sekolah swasta dengan meninggikan tahap pengetahuan mereka melalui kursus-kursus yang diselenggarakan oleh Kementerian Pendidikan. Inisiatif ini selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2012 - 2017.

Selain itu, guru-guru sekolah formal swasta juga sama-sama diberi peluang untuk mengikuti program-program perkembangan profesional bagi membantu mereka meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Program-program perkembangan profesional ini adalah selaras dengan keperluan pelaksanaan kurikulum kebangsaan dan Sistem Pendidikan Negara (SPN).

Terbukti di sini, kerajaan beta tidak pernah bersikap lepas pandang terhadap pendidikan, sama ada ia di bawah tadbir kerajaan mahu pun swasta. Kedua-duanya itu tidak pernah diabaikan untuk mendapat perhatian dan layanan sewajarnya.

Di pihak rakyat yang menikmati kemudahan ini, sepatutnya mereka itu tidaklah akan berbelah bahagi lagi terhadap kerajaan. Mereka sepatutnya bersyukur atau berterima kasih kerana mempunyai kerajaan yang mampu untuk memenuhi hajat, khususnya hajat di bidang pendidikan.

Mereka, tanpa mengira suku atau kaum apapun, selama bernama atau berstatus rakyat, sewajarnya, wajiblah bagi mereka bersikap telus dan setia kepada negara. Jika mereka itu pelajar, nawaitunya ialah belajar untuk Brunei. Sementara jika sudah lulus pula, nawaitunya juga mestilah tetap kekal untuk Brunei juga, barulah mereka yang macam ini, dapat kita nobatkan sebagai patriot sejati dan adapun patriot sejati itu menurut keyakinan kita, tidak sekali-kali akan bertindak serong membawa sijil-sijil atau ijazah-ijazah mereka berhijrah ke tempat lain untuk berkhidmat di tempat lain itu.

Beta ingin mengingatkan, bahawa untuk menjadi lebih terhormat dan mulia, setiap rakyat perlulah jadi patriot, walaupun ini, sedikit mungkin menjejaskan 'kantong' mereka.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Majlis Konvokesyen Ke-2 KUPU SB Negara**  
**Brunei Darussalam Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi di**  
**Dewan Plenary Pusat Persidangan Antarabangsa,**  
**pada hari Selasa, 7 Zulhijjah 1433 Hijriah /**  
**23 Oktober 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir bersama-sama di Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ini.

Beta terlebih dahulu merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua para graduan yang menerima ijazah dan diploma mereka pada hari ini. Beta berharap para graduan akan terus meningkatkan ilmu pengetahuan mereka serta berusaha lebih gigih lagi untuk menjadi pakar pengajar di bidang masing-masing dan dalam masa yang sama juga, mempunyai komitmen tinggi untuk menjadi guru agama yang berwibawa.

Ini secara tidak langsung boleh meningkatkan kualiti sekolah-sekolah agama di negara ini.

Baru-baru ini beta telah bertitah mengenai dengan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2013. Perintah ini mungkin saja tidak akan menepati sasarannya, jika kita tidak menyediakan guru-guru agama yang berkepakaran tinggi untuk meyokong pelaksanaan perintah tersebut. Kerana itu, KUPU SB perlulah melihat perkembangan ini sebagai satu amanah dengan menyediakan guru-guru yang diperlukan itu.

Menyebut tentang guru agama ini, tugas mereka itu bukanlah setakat menyelesaikan rutin harian semata-mata tetapi turut menjadi lebih penting, ialah dapat menyuntik kesedaran murid-murid mereka, sehingga menjadi benar-benar manusia yang bertakwa dan beramal soleh. Inilah kewajipan utama KUPU SB itu.

Beta difahamkan KUPU SB telah menawarkan program-program akademiknya sebagaimana juga pusat-pusat pengajian tinggi lain menawarkannya seperti Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Diploma Lepas Ijazah dan Diploma Tertinggi. Malah beta juga difahamkan KUPU SB juga akan menawarkan Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Agama pada awal tahun depan.

Pada asasnya, beta juga turut melihat, rancangan ini memanglah bagus. Tetapi sedikit peringatan, janganlah rancangan saja yang bagus, bahkan natijahnya juga mestilah sama-sama bagus. Maksud beta, jika ada kelulusan, mesti ada pula peningkatan dan semakin tinggi kelulusan itu, sepatutnya, semakin tinggi juga tahap kemampuan, barulah berbaloi kelulusan tersebut.

Beta turut gembira KUPU SB sejak penubuhannya hingga sekarang sering dilihat menganjurkan persidangan dan seminar peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa, di samping aktif menjalin hubungan persefahaman dengan pusat-pusat pengajian tinggi luar negara, ini juga adalah baik, asalkan saja tidak mengabaikan prinsip berhati-hati dari dimasuki oleh pengaruh-pengaruh yang tidak sebulu dengan kita.

Peringatan ini bukan untuk KUPU SB sahaja tetapi juga untuk semua pihak yang ada kaitan dengan perkara-perkara akademik dan ilmu. Pada masa ini terdapat semacam kecenderungan memanggil penceramah-penceramah daripada luar. Ini juga pada asanya adalah baik, tetapi ia akan menjadi tidak wajar apabila kita mengambil ringan tentang topik-topik ceramah dan siapa penceramahnya?

Kita perlu melihat dulu, apakah relevannya kepada Brunei satu-satu topik ceramah itu dan penerimaannya kelak oleh orang-orang Brunei? Jika topik dan penerimaan itu mungkin merugikan Brunei

atau bertentangan dengan kepentingan Brunei, maka tidakkah di sini kita lebih baik jangan melibatkan diri dengannya? Kerana banyak lagi isu atau perkara boleh dijadikan pilihan yang sesuai.

Langkah ini diambil bukanlah untuk menyekat perkembangan akademik, tetapi ia dianggap munasabah dan sihat untuk menyangga perkara-perkara yang tidak diingini yang tidak diduga.

Turut menjadi penting malah utama kepada KUPU SB juga, ialah bidang kajian dan penyelidikan ilmiah kerana belumlah dianggap berjaya sesebuah pusat pengajian tinggi itu kalau ia belum atau tidak menerokai bidang ini.

Untuk KUPU SB, bidang pendidikan saja khasnya pendidikan agama adalah terlalu banyak isu boleh dikaji. Misalnya mengapakan pendidikan agama itu dianggap penting dan malah wajib untuk dipelajari? Dari segi apakah ia penting itu? Dan kalau betul ia penting, mengapakah Brunei sampai tercicir 50 tahun tidak mewajibkannya? Dan apa kesannya dari 50 tahun ia tidak diwajibkan itu?

Ini semua perlu kepada kajian, supaya kita tahu kelemahan, kekuatan, kekurangan dan kelebihan kita dan kemudian merumusnya sebagai bahan ilmiah yang lengkap dengan saranan-saranan, cara dan panduan, bagaimana ia hendak diperbaiki?

Ini baru satu contoh dari sekian banyak isu. Cuba-cubalah fikirkan dan teroka, dalam bentuk kajian ilmiah.

Untuk akhirnya, beta tidak lupa mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak berkenaan di KUPU SB ini, khususnya kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Majlis Kolej Universiti, Ra'es, pegawai-pegawai utama, staf akademik, pegawai pentadbir dan seluruh kakitangan Kolej Universiti, di atas segala sumbangan dan khidmat mereka yang dicurahkan. Semoga Allah jua yang akan membalas mereka dengan rahmat-Nya Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Titah**  
**Sempena Hari Raya Aidiladha 1433 Hijriah / 2012 Masihi**  
**pada hari Khamis 9 Zulhijjah 1433 Hijriah /**  
**25 Oktober 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

*Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd*

MAHA Besar Allah, Maha Besar Allah, Maha Besar Allah, dan bagi-Nya adalah terpulang segala pujian.

Pujian terhadap Allah itu wajib kerana Dia memang berhak dipuji.

Betapa tidak, bukankah Allah itu Maha Sempurna, serba-serbi sempurna?

Zat-Nya sempurna, Ilmu-Nya sempurna, Sifat-Nya sempurna. Maka kerana itulah kita para hamba ini dituntut supaya memuji-Nya.

Memuji Allah bukanlah seperti memuji yang lain-lain. Memuji Allah bermakna kita mensyukuri nikmat-Nya, sementara mensyukuri nikmat itu pula dihukumkan wajib.

Jika kita mensyukuri nikmat Allah, Dia berjanji akan menambahnya lagi, sebaliknya kalau kita tidak mensyukuri nikmat itu, maka berhuklah bagi Allah menimpakan azab-Nya.

*Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd*

Mensyukuri nikmat Allah tidaklah memadai setakat ucapan semata-mata, tetapi mesti dibuktikan juga dengan amal perbuatan. Kita dikurniakan harta, di samping lidah kita melafazkan alhamdulillah, Allah juga adalah memerhatikan kita, di manakah harta itu kita gunakan?

Kalau ia digunakan di jalan yang hak, maka kesyukuran kita itu akan diterima. Tetapi jika ia digunakan di jalan yang batil, maka kesyukuran kita itu bukan saja ditolak, malah azab juga adalah sedang menunggu kita. Inilah keadilan Maha Pencipta.

*Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd*

Kita ini pada setiap hari dan detik menggunakan nikmat Allah. Udaranya-Nya yang segar kita hirup. Tanpa udara, semua makhluk tidak mungkin hidup. Bumi-Nya juga kita pijak dan air-Nya kita minum. Tanpa bumi dan air itu, di manakah kita dan apa nasib kita?

Pada masa ini, kita sedang memperingati 42 tahun Pertukaran Nama 'Bandar Brunei' kepada 'Bandar Seri Begawan'.

Bandar adalah bumi tempat kita berpijak dan berjalan-jalan. Tempat membeli-belah, tempat bertugas dan malah tempat kita beribadat. Bukankah di sini ada masjid yang tersergam indah?

Demikianlah fungsi bandar itu.

Kita wajib bersyukur di atas nikmat ini dan perlu berazam untuk melihatnya kekal supaya dapat pula dinikmati oleh generasi turun-temurun.

Di sinilah kita perlu memahami akan kehendak, siapa yang ampunya nikmat itu. Dia menghendaki kita supaya terus bersyukur dan bertakwa serta tidak mengambil ringan perintah-perintah-Nya.

Khusus dalam perkara bernegara termasuk berbandar Kita adalah dituntut supaya sentiasa memelihara kesucian negara atau bandar kita itu daripada segala macam bentuk mungkar. Ini adalah amanah

dan termasuk juga selaku amanah itu ialah memberikannya imej yang baik dan indah, maksud beta, imej keislaman (islamic image), lebih-lebih lagi sesuai dengan sifatnya selaku bumi MIB atau bumi Negara Zikir.

Salah satu contoh paling tepat lagi mustahak untuk disegerakan dalam perkara membaiki imej bandar dan malah negara seluruhnya ialah pada hari Jumaat, di waktu atau jam yang bersesuaian, semua premis perniagaan bisai tah ditutup buat sementara waktu, sehingga selesai menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

Penutupan ini, selain ia sendiri berunsur imej, ia juga akan mampu untuk mengubati penyakit kuai-libai setengah kalangan pemuda atau belia di pusat-pusat membeli-belah atau di kaki-kaki lima, sedang orang-orang Islam lain sudahpun berada di masjid atau sedang bergerak ke masjid.

Tidakkah, jika perkara ini dibiarkan sehingga berpanjangan, akan mencemarkan imej negara dan malah imej Islam sendiri?

Oleh itu, langkah ini sangatlah wajar dan bahkan menepati tuntutan syara' untuk dilaksanakan. Syara' telah menggesa kita supaya segera menyahut panggilan 'Sembahyang Jumaat' dan meninggalkan sementara urusan jual-beli sehinggalah selesai sembahyang tersebut. Manakala telah selesai sembahyang, kitapun disuruh pula untuk bertibaran semula di muka bumi bagi menjalankan urusan masing-masing (lihat ayat 9 dan 10 Surah Al Jumu'ah).

Dari perintah Allah ini, tidak siapa yang akan rugi malah sebaliknya, dengan negara juga akan beroleh nama yang baik dan imej yang baik serta keberkatan pula boleh kita tunggu daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

*Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.*

Beta meminta dan berharap kepada pihak-pihak berkenaan, supaya dengan cara sewajarnya akan menangani perkara ini tanpa lama-lama bertangguh.

Beta bersyukur, kerana hidayat Allah ini datangnya pada 'Hari

Besar', bersukut dengan kita menyambut Aidiladha yang mulia.

Akhirnya, beta dan keluarga beta dengan perasaan tulus ikhlas dan penuh muhibah mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha Al-Mubarak kepada semua lapisan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana saja mereka berada, tidak terkecuali pada jamaah haji kita di Tanah Suci, semoga mereka mendapat haji yang mabrur dan kembali ke tanah air dengan selamat. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah**  
**Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji**  
**Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan**  
**and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam**  
**at a Banquet in Honour of His Excellency Lee Hsien**  
**Loong, Prime Minister of The Republic of Singapore at**  
**Istana Nurul Iman**  
**on Monday, 29<sup>th</sup> October 2012**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

YOUR Excellency Prime Minister Lee Hsien Loong, Madame Ho Ching,  
Your Excellencies,  
Ladies and Gentlemen.

It is a very great pleasure to welcome you, Prime Minister, and Madame Ho Ching to Brunei Darussalam.

Your visit underlines the warm and mutually beneficial relationship that our two countries have enjoyed for many decades, dating back to before either of our nations had become independent.

This special relationship was established by my late father, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, and your own distinguished father, former Prime Minister Lee Kuan Yew.

The progress that each of our two nations has achieved in our respective ways, is testimony to the far-sighted leadership of our fathers.



It is now your duty and mine to further nurture and strengthen this relationship into the years ahead.

The past can be a good guide for the future, but as you rightly pointed out in a recent speech in Singapore, the future will not necessarily continue in accordance with the past.

The rapid pace of globalization is presenting many challenges, which all countries have confront both individually and collectively.

These challenges affect among other things, international-finance, economics and all aspects of security.

They also have an impact upon our people's day-to-day lives and their view of the future.

If these challenges are not met successfully, they could threaten the peace and stability, which we all rely upon to ensure a brighter future for our people.

This means that we need to ensure that globalisation, which brings with it new technology, free trade, economic integration and modern communications, does not endanger their security and well-being.

This is why I am very pleased that the most significant aspects of our cooperation are in the areas of education, health, trade and defence.

These are all areas in which globalisation is driving rapid and far-reaching change.

The confidence that we have in our work together is evidenced in our long standing monetary agreements and our defence consultations, including training programmes and joint exercises.

We have also established useful cooperation in the areas of health and medicine, as well as in business, commerce, educational, cultural,

and sporting exchanges.

Regionally our two countries are also engaged in the Trans-Pacific Partnership, of which we are two of the originators.

We also appreciate the contributions of the many Singaporeans presently living, working and offering their energy and talent to the development of our nation.

We look forward with keen anticipation to continue to work closely with Singapore and all other members of our regional community during Brunei's chairmanship of ASEAN next year.

To you Prime Minister, and your Government, I offer our warmest congratulations on Singapore's remarkable achievements in so many areas of modern life.

As with all our close friends, it is a great pleasure to have you and Madame Ho Ching visit us and we hope that you will have a pleasant stay in our country.

Thank you.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-2 UNISSA**  
**di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas**  
**pada hari Sabtu 18 Zulhijjah 1433 Hijriah /**  
**3 November 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaah 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat berhimpun di Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-2, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Beta melihat UNISSA turut mengalami beberapa perubahan dan perkembangan sejajar dengan usianya menjangkau lima tahun. Pada Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-2 ini, kita berpeluang pula sama-sama meraikan para graduan yang berjaya menamatkan pengajian mereka masing-masing. Pada kesempatan ini, beta tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan mereka itu.

Pada setiap masa, kita alhamdulillah turut mengeluarkan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran. Namun dalam masa yang sama beta juga melihat masih terdapat lagi ruang besar yang perlu diisi, khasnya oleh sumber tenaga manusia aliran agama.

Di sinilah cabaran turut dihadapi oleh UNISSA. UNISSA perlu berusaha keras untuk memenuhi hasrat yang beta titahkan sendiri, supaya UNISSA bukan saja mengeluarkan lulusannya. tetapi juga berupaya menghasilkan para graduan bertahap ulama.

Beta adalah mengambil berat kedudukan UNISSA selaku sifatnya Pusat Pengajian Tinggi Islam tulen. Ia mampu untuk menjadi syiar kerana memang namanya sendiri saja pun adalah syiar, perlu dijaga dan digilap sentiasa sebagai syiar.

Selaku syiar, ia tidak boleh rendah dari yang lain-lain, tidak wajar ia berada di bawah sedang yang lain di atas. Hanya namanya saja pun, meletakkannya tidak boleh di bawah.

Ini bukanlah sentimen, tetapi sejujurnya sebagai hak kerana namanya. Nama (Islam) itu adalah tiada duanya. Menjadi kewajipan kita menghormatinya sama seperti menghormati, siapa yang ampunya agama itu sendiri, iaitu Allah Subhanahu Wata'ala.

Maka tingkatkanlah prestasi, pencapaian dan malah prasarana pusat ini. Janganlah ia kurang. Kalaupun tidak lebih daripada yang lain-lain, tetapi setanding atau sebanding adalah mustahak.

Malah termasuk juga saiz tapak kawasan, UNISSA janganlah ia kurang dari pusat-pusat pengajian yang lain, sama ada yang sudah wujud mahupun yang akan datang jika berbangkit. Adalah kurang bijak jika kita merancang hanya setakat cukup-cukup tetapi merancanglah bagi keperluan masa depan yang panjang.

Selaku syiar, UNISSA tidak boleh malap seperti jua Islam sendiri tidak boleh malap. Ini adalah amanah untuk kita sama-sama memelihara dan menghormatinya sehingga bila-bila.

Kepada para graduan UNISSA, beta ingin mengingatkan supaya sentiasalah memelihara imej baik pusat ini, di samping terus menambahkan lagi kemahiran dan kualiti yang diperlukan. Peranan para pelajar bukanlah setakat ketika di dalam kampus sahaja, tetapi jua di luar kampus dengan mengongsikan ilmu-ilmu agama kepada masyarakat.

Pada tahum ini, beta telah memperkenankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah untuk dilaksanakan di negara ini.

Sehubungan ini, beta amatlah gembira mengetahui bahawa UNISSA telah pun memulakan kursus Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syari'ah (LL.B dan BSL) iaitu Program Double Degree.

Dengan ini, UNISSA tidak syak lagi dapat kita harapkan untuk turut memainkan peranan proaktif dalam usaha ke arah melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah tersebut, khasnya dalam menyediakan tenaga manusia yang diperlukan. UNISSA pada misalnya boleh bekerjasama dengan pihak berkenaan

dalam memberikan pendedahan kepada pengamal undang-undang dan juga orang ramai akan maksud perintah ini.

Beta percaya, dalam pendekatan ini, ahli akademik adalah memang layak untuk menjadi tunjangnya.

Akhirnya beta ingin mengambil peluang merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh Ahli Majlis UNISSA, pentadbiran UNISSA di bawah pimpinan rektornya dan seluruh warga UNISSA serta ibu bapa atau penjaga graduan yang turut sama-sama hadir bagi meraikan kejayaan anak-anak mereka.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Sambutan Tahun Baru Hijriah 1434**  
**pada hari Rabu, 29 Zulhijjah 1433 Hijriah /**  
**14 November 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah meminjamkan kepada kita umur sehingga dapat menyambut tahun baru Hijriah 1434.

Menyebut Hijrah, ada beberapa perkara yang berkaitan dengannya. Pertama, ia kan mengingatkan kita kepada Hijrah Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang penuh dengan cabaran itu. Kedua, penetapan bagi kalendar umat Islam dan ketiga, peningkatan umur kita, iaitu suatu isyarat tentang sepatutnya mampu untuk mendatangkan keinsafan kepada kita semua.

Hijrah adalah paksi tamadun ummah. Ia berlaku sebagai gerakan dakwah dan kemudian dakwah itu pula melahirkan peradaban demi peradaban di serata dunia.

Para pendakwahlah yang merubah wajah dunia, dari wajah hodoh jahiliah kepada wajah cantik yang berseri-seri.

Inilah dia berkat Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu.

Mengenai berkat ini, beta turut tertarik dengan tema sambutan pada tahun ini yang berbunyi: 'Umat Bertaqwa Negara Berkat'. Tema ini tidak syak lagi adalah satu pendekatan mengajak bertakwa.

Memang bertakwa itu wajib bagi setiap individu Muslim. Allah berjanji kepada orang-orang yang bertakwa akan memberi mereka jalan keluar daripada segala macam kesukaran dalam hidup ini. Bukan itu sahaja, samalah juga akan melimpahi mereka dengan rezeki yang terlintas di hati. Tambahan lagi jika takwa itu dihias dengan tawakal, maka segala-galanya akan menjadi milik mereka, berupapertolongan dan pemeliharaan Allah (lihat Surah Ath Talaq, ayat 2 hingga 3).

Salah satu dari ciri takwa ialah memelihara iman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sentiasa menyuruh kita untuk membaharui atau menggilap iman, dengan mengucapkan banyak-banyak *laailahailallah*, dalam makna iman itu boleh saja malap atau luntur jika tidak dipelihara.

Galakan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ini sayugialah jangan diambil ringan kerana hikmahnya turut merujuk kepada keadaan yang ada sekarang, di mana semakin banyak timbul atau muncul ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang menyalahi akidah. Jika benar ajaran atau fahaman itu salah atau ada unsur sesat di dalamnya, maka pembawa atau penganutnya mustahaklah bertaubat serta sekali gus mematuhi saranan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam untuk membaharui iman itu.

Turut membimbangkan kita, medan bagi penyaluran ajaran atau fahaman menyeleweng ini sangatlah luasnya. Ia tidak lagi terbatas setakat dari mulut ke mulut atau dari satu individu kepada individu lain, tetapi sudah sangat canggih dan lengkap melalui buku-buku, majalah-majalah, surat-surat khabar dan internet, seperti sahaja, keadaan itu sudah dapat dibendung lagi.

Oleh itu, beta mengingatkan supaya kita di Brunei tidak akan terbawa-bawa untuk mencedok sebarang pemikiran atau fahaman yang menyalahi itu.

Luruskanlah pendirian dan tetapkan iman kita kepada hanya, agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam semata-mata, yang namanya adalah Islam.

Kita orang Islam mestilah sebulat-bulatnya kepada Islam itu, kerana inilah yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya,

Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Kita tidak boleh menambah-menambah ataupun mengurangi apa-apa yang telah diperintahkan itu.

Kerana itu adalah sangat aneh dan malah tidak dapat diterima sama sekali, sebarang istilah, seperti 'Islam Liberal. 'Pluralise U gama' dan lain-lain lagi seumpamanya.

Ini semua, tidak akan kena mengena dengan Brunei. Brunei adalah bumi Islam tulen. Insya-Allah, pegangan ini akan terus kekal turun temurun sehingga ke akhir zaman.

Bersukut dengan saat yang bersejarah menyambut tahun Hijriah 1434 ini, marilah kita sama-sama membaharui azam untuk terus berjasa dan berbakti kepada Islam dengan menyumbang apa saja, demi kesuciannya.

Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta dengan tulus ikhlas dari hati yang jernih mengucapkan Selamat Menyambut dan Memasuki Tahun Baru Hijriah 1434. Semoga di sepanjang tahun ini kita dengan izin Allah, akan dapat lagi meneruskan kehidupan beragama dan bernegara yang diredai-Nya dalam suasana aman, selamat lagi makmur. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah**  
**Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of**  
**Brunei Darussalam at a banquet in honour of the state**  
**visit of His Excellency Truong Tan Sang, President of**  
**the Socialist Republic of Vietnam, on Tuesday,**  
**27<sup>th</sup> November 2012 at Istana Nurul Iman**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen,  
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa  
Muhammadin Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

YOUR Excellency Mr. President and Madame Mai Thi Hanh,

Your Excellencies, Ladies and Gentlemen.

The Government and people of Brunei Darussalam join me in extending a warm welcome to you, President and Madame Mai Thi Hanh.

This year marks the 20th anniversary of the establishment of diplomatic relations between Brunei and Vietnam, and this is a fitting moment for us to celebrate this occasion together.

Mr. President,

The past twenty years has seen our cooperation grow in depth and scope, covering many mutually beneficial areas ranging from technical assistance in education, to specific joint activities in trade, agriculture and defence.

We have a deep appreciation of the many firm friendships that we share throughout South East Asia particularly as members of ASEAN.

And in this sense, Brunei Darussalam and Vietnam are bonded together by a very special memory.

We recall with great pleasure, the hoisting of the national flag of the Socialist Republic of Vietnam here in Bandar Seri Begawan, when your country was admitted as a member of ASEAN in 1995. Three years after your country's admission Mr. President, Vietnam hosted the 6th ASEAN Summit, which launched the Hanoi Plan of Action and started us on the path towards the ASEAN Community, which we all hope to realise in two years time.

During the years since then, we have witnessed the remarkable growth of your country, both in terms of industrial and economic progress, and the development of your capital city of Hanoi into a vibrant center for finance and business.

We also admire your country's commitment to regional and international understanding and congratulate you most warmly on all your nation's achievements.

Mr. President, it is a great pleasure to have you and Madame Mai in our country and we wish you a pleasant stay.

Thank you.

Wabillahit      Taufeq      Walhidayah,      Wassalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.





**Titah**  
**by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah**  
**Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of**  
**Brunei Darussalam at a banquet in honour of the State**  
**Visit of His Excellency U Thein Sein, President of the**  
**Republic of The Union of Myanmar, at Istana Nurul Iman**  
**on 4<sup>th</sup> December 2012**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidina Muhammadin Wa'alaa 'Alihee Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

YOUR Excellency President U Thein Sein, Excellencies, Ladies and  
Gentlemen.

Five years ago we were honoured to receive you in Brunei  
Darussalam as Prime Minister of your country.

This time it is our great pleasure to extend a very warm welcome to  
you as President of Myanmar.

Since becoming President, you have done much to create better  
appreciation within the region and beyond, of the challenges facing  
your country and your great efforts in overcoming these challenges in  
the interest of the future of Myanmar.

Brunei Darussalam joins your many other friends, in wishing you  
every success in your continuing efforts to maintain peace, and to  
bring about enhanced progress and prosperity for your people.

Mr. President, you will recall that our countries established  
diplomatic relations in 1993 and five years later I had the honour of  
visiting Myanmar.

Since then there have been regular contacts and exchanges between  
our ministers and officials, and it is hoped that this will encourage

greater people to people contacts and more particularly active private  
sector interaction.

I note with satisfaction that valuable co-operation between our  
two countries has been initiated in the areas of educational human  
resource development and in health matters.

This co-operation has opened the way for professionals, doctors,  
nurses, workers and students from Myanmar to come to Brunei and  
contribute to our development.

I am confident that Your Excellency's present visit, will now  
encourage greater interest in opening up new opportunities for  
commerce, trade and investment.

In particular we now see the potential for greater growth in joint  
ventures, especially in the area of oil exploration.

Mr. President, Brunei and Myanmar will no doubt work hand in hand  
with our colleagues in ASEAN to realize our targets for establishing  
the ASEAN Community in 2015.

I am delighted that a number of your officials will be working very  
closely with us next year to gain experience and to ensure that there  
will be continuity in all our association's work.

Mr. President, it is a great pleasure to have you with us and I wish  
you a happy stay in Brunei Darussalam.

Thank you.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.





**Titah**  
**Sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara**  
**Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom**  
**dan Ireland Utara terdiri daripada penuntut-penuntut**  
**pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas, berkursus**  
**dan dalam percutian bersama keluarga di London,**  
**United Kingdom dan Penganugerahan Biasiswa ‘The**  
**Chancellor’s Scholar’ Universiti Brunei Darussalam Sesi**  
**2012/2013**  
**pada hari Ahad 15 Safar 1434 Hijriah /**  
**30 Disember 2012 Masihi**

Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil ‘Aalameen, Wabihee Nasta’eenu ‘Alaa  
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu ‘Alaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa’alaa ‘Alihie Wasahbihee  
Ajma’een, Waba’du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala kerana mengizinkan kita dapat berkumpul pada hari ini. Beta berharap perhimpunan ini akan dapat merapatkan lagi hubungan silaturahim di antara rakyat dan penduduk Brunei yang berada di United Kingdom dan Ireland Utara, khasnya para pelajar kita.

Para pelajar adalah tunggak kemajuan dan kecemerlangan, berdasarkan, *knowledge and innovation-based economy*. Ini sejajar dengan wawasan negara, ingin menjadikan rakyat dan penduduknya berilmu, berkemahiran dan bertamadun.

Maka untuk ini, kerajaan beta telah menawarkan skim dermasiswa semenjak lebih dari 50 tahun lagi, iaitu satu dasar pendidikan *meritocracy* yang telah diasaskan oleh Paduka Ayahanda Beta, Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien.

Sehingga hari ini, penghantaran pelajar-pelajar dermasiswa keluar negeri terus dilakukan meliputi beberapa biasiswa seperti Sultan’s Scholar Biasiswa The Supreme Commander Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Biasiswa ABDB, Biasiswa kerajaan beta melalui Kementerian Pendidikan Biasiswa Dana Sumber Manusia, Biasiswa Perkhidmatan Pentadbiran Brunei Darussalam (BAS) dan Biasiswa Brunei Shell Petroleum (BSP).

Beta gembira mengetahui bahawa kualiti akademik penerima-penerima biasiswa adalah semakin meningkat dengan para pelajar tersebut mampu untuk mengikuti pengajian mereka di universiti-universiti terkemuka dalam Top 10 World Universities. Pencapaian ini sangatlah membanggakan.

Namun perlu diingat sijil akademik saja bukanlah ukuran mutlak kejayaan seseorang pelajar. Tetapi turut penting ialah impak sumbangannya kepada negara.

Kerana itu beta adalah menyesali apabila mengetahui ada pelajar yang meminta dilepaskan dari ikat janji berkhidmatan dengan kerajaan setelah tamat pengajian untuk memilih berkhidmat di luar negara. Atau tidak mustahil juga akan ada mereka yang tidak mahu berkhidmat langsung setelah tamat.

Cara berfikir seumpana ini tidak diragukan lagi datangnya daripada syaksiah yang mementingkan diri, lemah dan tidak patriotik.

Apakah mereka tidak memahami, sama ada yang menyandang biasiswa ataupun tidak, bahawa mereka itu adalah pelaburan bagi negara? Setiap pelaburan memerlukan ianya diterjemah menjadi produk atau sumbangan kepada negara. Jadi, kalau mereka sudah lari meninggalkan negara atau tidak mahu berkhidmat, bagaimanakah sumbangan itu akan dapat dijawab oleh negara.

Negara tetap memerlukan sumber tenaga manusia yang berkualiti, di mana sektor pengajian tinggi adalah kilangnya. Kerana itulah, mulai tahun ini, beta telah memperkenankan satu lagi skim biasiswa yang dipanggil : Skim Biasiswa The Chancellor's Scholar. Skim ini bertujuan untuk melahirkan tenaga akademik tempatan yang berkualiti tinggi. Mereka akan ditempatkan di universiti yang terkemuka di dunia.

Pada sesi tahun ini, buat julung-julung kalinya, biasiswa berprestij ini telah dianugerahkan. Beta mengucapkan tahniah kepada tiga orang pelajar yang bernasib baik, yang terpilih di bawah skim ini, untuk melanjutkan pengajian mereka di peringkat PhD.

Namun satu peringatan, segolongan ijazah, walau bagaimanapun tingginya bukanlah bererti kita sudah sampai ke penghujung jalan, atau dalam makna lain, menganggap diri kita sudah tahu segala-segalanya orang yang benar-benar berilmu, semakin banyak ilmunya, semakin dia dahagakan ilmu itu, seperti saja dia belum cukup atau belum merasa puas dengan ilmunya setakat itu. Resam beginilah jika ada, adalah resam yang bagus.

Satu lagi peringatan untuk para pelajar khususnya, di samping ligat memperkasa ilmu, identiti juga mestilah dijaga. Identiti itu ialah hiasan, lambang dan tanda pengenalan diri.

Apa dia identiti pelajar-pelajar kita? Identiti mereka dan malah kita semua ialah identiti Brunei sendiri. Identiti Brunei itu ialah agama Islam, adat istiadatnya dan cara hidup luhur yang berlandaskan agama dan undang-undang.

Ini sayugia jangan diabaikan. Bawa dan pakailah ia, di mana atau ke mana saja berada. Tunjuk dan jangan malu kita ini orang Brunei. Brunei adalah sebuah negara tua yang sudah lama bertamadun dan kini, ia sedang memanjat maju seperti juga orang lain.

Kita julang ia dengan bangga melalui penonjolan identitinya yang hebat di dalam semua keadaan dan tempat.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah**  
**Sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk**  
**Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Tahun**  
**Baru Masihi 2013**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, dengan izin-Nya jua, di sepanjang tahun Masihi 2012, kita telah menikmati kurnia berharga berupa ketenteraman dan kemakmuran. Kita berdoa, semoga pada tahun Masihi 2013 juga, kurnia tersebut akan terus berkekalan kita terima.

Dalam keadaan ekonomi dunia yang terus tidak menentu, kita bersyukur negara kita pada tahun 2012 masih saja mampu untuk mencatatkan pertumbuhan ekonomi positif kira-kira 1.6 peratus. Dengan pertumbuhan ini, ditambah lagi dengan pelbagai usaha mengukuhkan kedudukan fiskal, maka insya-Allah, negara kita akan terus berupaya untuk meneruskan program pembangunannya pada tahun 2013 ini.

Di sepanjang tahun 2012 dan sebelumnya, usaha banyak tertumpu kepada mengukuhkan institusi-institusi kita terutama yang berkait langsung dengan perijanaan aktiviti ekonomi.

Sebagai meneruskan usaha ini, kerajaan beta telah menubuhkan sebuah syarikat pemegang pelaburan di bawah Perbadanan Menteri Kewangan (Minister for Finance Corporation) yang dinamakan 'Darussalam Assets Sdn. Bhd'. Tujuan syarikat ini ditubuhkan adalah bagi memegang dan menguruskan secara aktif pelaburan kerajaan beta di dalam Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs). Syarikat ini dihasratkan akan memainkan peranan strategik dalam aktiviti-

aktiviti pelaburan kerajaan beta ke arah pembangunan negara bagi mencapai perkembangan dan kepelbagaian ekonomi, menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat, di samping meraih pulangan pelaburan dalam jangka masa panjang.

Penyusunan ini akan membolehkan pemilikan dan pengurusan Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan dilaksanakan dengan lebih berkesan berasaskan prinsip komersial dengan amalan 'Corporate Governance' yang kukuh.

Matlamat kita adalah jelas. Kita mahu negara kita sentiasa *pro-business* dan *pro-investment*.

Kita telah pun mewujudkan Sistem Perlesenan Perniagaan untuk memulihkan pemberian lesen perniagaan. Kita juga membuat pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan (Income Tax Act), yang antara lain menurunkan cukai korporat kepada 20 peratus.

Mulai bulan Januari, 2012, kita telah menguatkuasakan Perintah Paten 2011 (Paten Order 2011) untuk menjaga hak cipta. Ini adalah penting dalam perusahaan. Dengan adanya undang-undang ini, akan menggalakkan, antara lain, pelaburan dalam kegiatan-kegiatan kajian dan inovasi.

Kemajuan institusi seterusnya adalah untuk menjaga keselamatan kedua-dua pihak, penguasa dan pengguna. Kita telah memperkuat lagi undang-undang berkaitan dengan Pembersihan Wang Haram (Money Laundering) dalam bentuk Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah 2012 (Criminal Asset Recovery Order 2012).

Begitu juga halnya dengan penguatkuasaan Pengguna (Perdagangan Adil) 2011 (Consumer Protection (Fair Trading) Order 2011). Ianya bertujuan untuk mewujudkan urusan niaga yang adil bagi memelihara kepentingan pengguna.

Dengan langkah-langkah yang telah dilaksanakan tersebut, beta berharap sektor swasta mampu berkembang dengan pesat, antara

lain, berupaya untuk menjana peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Sejauh ini, pelaburan dalam sektor minyak dan gas dalam bentuk Pelaburan Asing Langsung (Foreign Direct Investment) adalah sangat menggalakkan. Selain dari industri hulu, industri hiliran juga menempah kemajuan yang menjanjikan. Sebagai tambahan kepada cecair gas asli atau LNG dan pengeluaran methanol, pada masa ini kerajaan sedang mempertimbangkan beberapa peluang industri hiliran minyak dan gas yang lain.

Kemajuan di bidang ini sudah setentunya akan menambah baik pendapatan negara dan menjana peluang-peluang pekerjaan. Statistik pada masa ini menunjukkan hanya 40 peratus pekerjaan di sektor ini, diisi oleh anak-anak tempatan. Pada hemat beta, peratus tersebut perlulah ditingkatkan lagi.

Ke arah sasaran ini, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan beberapa inisiatif bersama dengan Syarikat Shell Petroleum Brunei dan juga lain-lain pihak yang berkepentingan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan juga wajarlah menilai semula kedudukan pendidikan teknikal dan vokasional bagi memastikan pendidikan di sektor ini boleh menyumbang kepada keperluan industri dan pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Kita telah pun menyediakan biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional serta Skim Peningkatan Kapasiti Sumber Manusia untuk mempertingkatkan lagi kemahiran anak-anak tempatan yang sudah dan akan berkhidmat dengan sektor swasta.

Inilah di antara usaha kita untuk mendapatkan sumber tenaga yang berkualiti, khasnya dari kalangan para pelajar.

Namun usaha ini sukar untuk berhasil, jika kita gagal memperlengkapkan anak-anak sekolah dengan kemahiran-kemahiran asas, seperti membaca, menulis dan mengira.

Ini penting dan sekali gus perlu dijadikan budaya. Kerana bangsa yang maju, mereka itu pasti kuat membaca, banyak menulis serta pandai mengira.

Sebab itulah, keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) baru-baru ini perlu diambil iktibar dan perhatian yang serius untuk memperbaikinya lagi. Carilah punca mengapa sebahagian anak-anak sekolah kita tidak dapat menguasai kemahiran asas ini. Mungkin saja latihan dan pendidikan perguruan perlu dipertingkatkan lagi.

Menyebut lagi tentang kemajuan, beta adalah gembira dengan peningkatan pelaksanaan projek-projek RKN setakat ini. Pada tahun pertama RKN 10 ini, kerajaan beta telah menyediakan peruntukan tambahan bagi membiayai projek-projek yang sedang rancak berjalan, termasuklah penyediaan infrastruktur.

Ini, turut meliputi beberapa keputusan untuk memudahkan perhubungan, antara lain, membina jambatan-jambatan yang akan menghubungkan Bandar Seri Begawan dengan Lumapas dan Daerah Temburong. Bagaimanapun, isu kesesakan jalan raya juga adalah diberikan prioriti untuk ditangani secara komprehensif. Kajian mengenainya bagi penyelesaian jangka panjang adalah perlu.

Di arena antarabangsa, kita tetap menyumbang secara positif ke arah kesejahteraan dan keamanan serantau mahupun global.

Pada tahun 2013 Masihi ini, negara kita telah mengambil alih selaku Pengerusi ASEAN. Begitu juga akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat-mesyuarat, antaranya Mesyuarat Kemuncak ASEAN Bagi Ketua-Ketua Kerajaan Negara-Negara Ahli ASEAN dan Mesyuarat Kemuncak ASEAN Bersama Negara-Negara Rakan.

Insya-Allah kita akan menggunakan peluang terbaik ini untuk memanfaatkan peranan kita disegi menyumbang terhadap keamanan dan kesejahteraan serantau serta global. Di samping itu, sebagai tuan rumah, kita juga akan berpeluang untuk menunjukkan kepada dunia kebolehan kita mencapai kemajuan, keamanan dan keharmonian

bermasyarakat, termasuk menerima para tetamu dengan mesra dan hormat.

Dalam pada itu, sebagai bangsa yang bermaruah, kita juga tidak ada pilihan lain kecuali dengan tegas memberitahu rakan-rakan dan bahkan dunia, bahawa kita tidak mampu untuk membenarkan sebarang provokasi terhadap hak-hak kita dalam beragama atau bernegara.

Maka kerana itulah, kita turut mengutuk dengan kerasnya sebarang perbuatan menghina agama Islam atau Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam apa pun bentuknya, seperti melalui penerbitan filem 'Innocence of Muslim' dan yang paling terbaru setakat ini, filem berjudul: 'The Innocent Prophet', di mana kedua-duanya itu cukup jelas sebagai provokasi jahat oleh mereka yang tidak bertamadun.

Akhirnya, bersempena dengan tahun baru ini, beta berseru kepada rakyat dan penduduk negara ini agar menguatkan lagi azam dan usaha untuk menjadikan masyarakat kita lebih progresif dan tahan lasak dalam menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21 ini.

Beta sukacita juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua peringkat dalam Perkhidmatan Awam, Pasukan-Pasukan Keselamatan dan juga kepada mereka yang berkhidmat di sektor swasta, di atas usaha ikhlas mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing pada sepanjang tahun 2012.

Beta dan keluarga beta juga tidak lupa merakamkan ucapan Selamat Tahun Baru Masihi 2013 kepada seluruh rakyat dan penduduk. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat-Nya berupa keteguhan iman, kesihatan, keamanan dan kemakmuran kepada kita semua dan kepada negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

